Sebuah kisah sejarah:

Tanah **FADAK**

(Satu memori luka, satu kezaliman nyata)

Oleh: Ayatullah al-‘Uzma al-Mirza Jawad al-Tibrizi.

Bismillah al-Rahman al-Rahim.

Dengan haqnya Muhammad, dan Engkau ya Allah adalah *al-Mahmud* (Maha terpuji), dengan haqnya ‘Ali dan Engkau ya Allah adalah *al-A’la* (Maha tinggi), dengan haqnya Fatimah dan Engkau ya Allah adalah *Fatir al-samawat wa al-ard* (Pencipta langit dan bumi), dengan haqnya al-Hasan dan Engkau ya Allah adalah *al-Muhsin*, dan dengan haqnya al-Husain, Engkaulah ya Allah yang *qadim Ihsan*-Nya.

Daripada Imam Kazim, tentang neneknya Fatimah al-Zahra’ a.s.:

Innaha siddiqah syahidah (Sungguhnya ia adalah orang yang benar serta mati syahid).[1]

katanya lagi, apabila diturunkan ayat berikut:

وَءَاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ

“*Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya…*” (Surah al-Isra’ ayat 26).

Rasulullah s.a.w. pun memanggil Fatimah a.s. dan memberinya tanah Fadak.[2]

Do’a ziarah Fatimah al-Zahra’

…Tetapi Fatimah berlindung di balik pintu untuk melindungi dirinya dan mangambil hijab, lalu mereka menolak dan menekannya dengan tekanan yang sangat kuat sehingga ia terjatuh rebah dan gugurlah anak (janin) yang dikandungnya, yang telah pun dinamakan sebagai al-Muhsin.[3]

---

[1] Al-Kafi, I. 158

[2] Majma’ al-Zawa’id, VII. H.49; Durr al-Manthur, Mizan al-I’tidal, II. h. 228; Kanz al-‘Ummal, II. h.158

[3] Kitab Sulaim b. Qais al-Hilali, h.152

Kata Fatimah a.s,
"…kini kamu mendakwa bahawa tidak ada warisan pusaka bagiku?

أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

'Sesudah itu patutkah mereka bekehendak lagi kepada hukum-hukum Jahiliyah? Pada hal - kepada orang yang penuh keyakinan – tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah."[4]

Wahai kaum Muslimin, pusaka warisan bapaku telah dirampas, adakah dengan nama Allah wahai Ibn Abi Qahafah (Abu Bakar), kamu mewarisi pusaka bapamu sedangkan aku tidak boleh mewarisi pusaka bapaku?

لَقَدْ جِئْتِ شَيْـًٔا فَرِيًّا

'Sesungguhnya kamu telah melakukan suatu perkara yang besar salahnya."'[5]

Sebelum melangkah lebih jauh ke dalam perbincangan ini, ketahuilah bahawa bagi pengikut Syi'ah, persoalan tentang tanah Fadak ini secara umumnya diyakini sebagai milik Fatimah al-Zahra' a.s. tanpa sangsi, dan banyak sekali riwayat aliran Ahl al-Bait yang menyatakannya. Tetapi oleh kerana adanya keraguan di kalangan Ahl al-Sunnah tentang riwayat tersebut, maka kami ingin menunjuk dan membuktikan pula bahawa terdapat banyak riwayat yang juga bersumber dari Hadis riwayat Ahl al-Sunnah sebenarnya.

Dar al-Siddiqah al-Syahidah a.s.
Kuwait.

Fatimah masuk ke masjid dan berjalan mengelilingi pusara bapanya sambil melantunkan sya'ir:

"Kami kehilanganmu seperti kehilangan bumi pada hujan yang menyiramnya,
Kaummu telah mejadi huru hara dan saksikanlah mereka,
Sepeninggalanmu ada berita ada peristiwa,
Kalau bapa menyaksikannya nescaya tertanya mengapa begitu banyak bencana,
Dulunya Jibrail menemani kita dengan ayat yang diturunkan,
Tapi sekarang tiada lagi dan setiap kebaikan tiada kelihatan,
Kau adalah purnama dan cahaya yang menerangi kami,
Padamu turun dari tempat mulia, sebuah kitab suci,
Kini kami diserang dan dihina oleh beberapa lelaki,

---

[4] Surah al-Ma'idah, ayat 50
[5] Surah Maryam, ayat 27

Apabila kau hilang dari kami, kami lalu dimusuhi,
Kami akan menangisimu, selagi hidup di dunia ini,
Selagi ada air mata yang mengalir di mata kami."

Kata Fatimah a.s., "Wahai Ibnu Abi Qahafah, adakah kamu mewarisi bapamu, sedangkan aku tidak mewarisi bapaku? Sesungguhnya kamu telah melakukan perkara yang sangat besar kesalahannya…"[6]

"Adakah sengaja kamu meninggalkan Kitab Allah dan membuangnya ke belakang, sedangkan Allah berfirman:

وَوَرِثَ سُلَيْمَٰنُ دَاوُۥدَ

"Dan Nabi Sulaiman mewarisi Nabi Dawud…"[7]

"Juga diceritakan tentang Zakariya dan Yahya, sebagaimana firman Allah:

… فَهَبْ لِى مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا يَرِثُنِى وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ ۖ وَٱجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا

"…oleh itu kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki Yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Ya'qub; dan jadikanlah dia wahai Tuhanku, seorang yang diredai dan disukai."[8]

"Juga firman-Nya:

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِىٓ أَوْلَٰدِكُمْ ۖ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ ٱلْأُنثَيَيْنِ

"Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dua orang anak perempuan…"[9]

Fatimah besabar dan berserah kepada Allah.

Selepas kembali dari masjid dan selepas memberikan ucapan yang hebat serta hujjah-hujjah yang tepat kepada lawannya, ia pun kembali ke rumah dan mendapati Abu al-Hasan ('Ali) duduk di rumah, lalu Fatimah berkata kepadanya, "Wahai Ibnu Abi Talib, anda telah bersifat seperti kanak-kanak dalam kandungan (janin) dan berdiam diri seperti orang syak dan tidak yakin…lihatlah Ibnu Abi Qahafah itu, ia telah merampas pemberian bapaku dan sumber makanan dua anakku, ia telah memusuhiku dan aku telah membalas dengan memberi dalil yang kuat dalam ucapanku…" hingga akhir katanya.

Lalu 'Ali menjawab, "Usahlah mengikut perasaan wahai puteri Nabi pilihan dan bakinya nubuwwah! Aku tidaklah mencuaikan urusan agamaku dan tidak pula tersalah dalam menilai kudratku, jika anda mahukan sumber makanan, maka rezekimu dan

---

[6] *Syarh Nahj al-Balaghah*, (Ibn Abi al-Hadid) 16: 251.
[7] Surah al-Naml ayat 16.
[8] Surah Maryam ayat 5 dan 6.
[9]. Surah al-Nisa' ayat 11. lihat juga al-Jauhari, Saqifah wa Fadak, h.144.

kehidupanmu adalah terjamin. Apa yang aku dapat sediakan adalah lebih banyak dan baik daripada apa yang telah diberikan kepadamu, oleh itu berserahlah kepada Allah."
Fatimah pun berkata, "Aku berserah kepada Allah." Lalu ia mendiamkan diri.[10]

'Ali telah mengorbankan haknya dan hak isterinya Fatimah a.s. dan berdiam diri terhadap orang yang merampas hak mereka demi menjaga agama dan syari'at *Saiyid al-mursalin* daripada hilang dan rosak kerana perselisihan umat.

Ayatullah al-'Uzma al-Syaikh al-Tibrizi telah membentangkan masalah Fadak ini dalam akhir perbahasannnya tentang *Qa'idah al-yad* (kaedah memegang kuasa hak milik). Oleh kerana pentingnya perbahasan ini dan perlunya untuk umat mengetahui tentang persoalan ini, maka Markas penyelidikan Aqidah (Dar al-Siddiqah al-Syahidah) telah meminta daripada Samahah Ayatullah menulis dengan lebih terperinci mengenai tajuk ini untuk dicetak yang dengannya mudahlah bagi mereka yang berminat untuk mendapatkannya.

---

[10] Al-Tabrasi, *al-Ihtijaj*, I.h.280-284

Fadak.

Fadak dan hulu tujuh buah kampung pertanian di pinggir Madinah al-Munawwarah mengunjur dari puncak bukit hingga berhampiran laut, dan dari al-‘Arisy hingga ke Daumatul Jandal.

Riwayat daripada al-Zuhri menyatakan bahawa saki baki kumpulan Yahudi penduduk Khaibar telah bertahan di sebuah kubu, kemudian mereka meminta damai serta meminta jaminan agar darah mereka tidak ditumpahkan dan diberikan kepada mereka laluan untuk keluar dari Khaibar. Nabi s.aw. lalu menerima permintaan itu. Hal ini diketahui oleh penduduk Fadak, lalu mereka membuat permintaan yang sama, dan mereka pun diberi laluan keluar seperti mana yang diberikan kepada penduduk Khaibar.

Tanah yang ditinggalkan oleh penduduk Fadak ini dikhususkan kepada Nabi s.a.w. sahaja kerana ia bukanlah tanah atau harta rampasan perang, sebaliknya merupakan harta yang ditinggalkan musuh tanpa peperangan.

Menurut Abu Bakar Ahmad al-Jauhari, diriwayatkan juga oleh Muhammad b. Ishaq bahawa setelah selesainya penduduk Khaibar berurusan mengenai hal tersebut, maka gentar dan takutlah hati mereka. Mereka lalu mengutus rombongan untuk berdamai dan Rasulullah s.a.w. pun menerima permintaan mereka dengan bayaran separuh tanah Fadak diserahkan kepada baginda.

Utusan mereka datang ke Khaibar, atau di pertengahan jalan ke Khaibar selepas Rasulullah s.a.w. berada di Madinah sebelumnya, lalu bagindapun menerima permintaan damai mereka itu. Adapun tanah Fadak tersebut menjadi milik Rasulullah s.a.w. secara khusus kerana ianya diperolehi tanpa melalui jalan peperangan sedikitpun sama sekali. Ada pula riwayat yang mengatakan bahawa yang diserahkan kepada baginda itu adalah keseluruhan Fadak sebagai syarat damai sementara ada pula yang mengatakan hanya separuh sahaja dari Fadak yang diserahkan, Allah jualah yang Maha mengetahui mana yang lebih benar diantaranya.[11]

Pemberian Fadak kepada Fatimah.

Tidak ada perselisihan pendapat antara ‘ulamak Syi’ah, para sejarawan dan para mufassirinnya tentang tanah Fadak yang diberikan Rasulullah s.a.w. kepada Fatimah. Sangat banyak riwayat-riwayat Ahl al-Bait yang menjelaskan mengenai hal ini, malah perawi dari madhhab lain juga turut mengakui akan berlakunya pemberian ini, namun cukuplah kami sebutkan sebahagian sahaja daripada riwayat-riwayat tersebut.

---

[11] Abu Bakar Ahmad b.’Abdul `Aziz al-Jauhari, *Kitab al-Saqifah wa Fadak*, h.29; al-Hamawi, *Mu’jam al-Buldan*, IV.h.239; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, 16-21.

Patut juga disebut bahawa tanah Fadak telah menjadi milik Fatimah selama tiga tahun sejak diberikan oleh bapanya, dan tidak ada sesiapa pun yang menentang pemberian tersebut.

Fadak adalah pemberian atau hadiah kepada Fatimah.

Tanah Fadak memang merupakan satu pemberian Nabi s.a.w. kepada Fatimah,[12] oleh itu ada di kalangan para khulafa' yang kemudiannya telah memulangkannya kembali kepada keturunan Fatimah,[13] sedangakan yang lain pula merampasnya kerana mencontohi perbuatan Abu Bakar.

Daripada Abu Bakar al-Jauhari, yang berkata, diriwayatkan oleh Hisyam b. Muhammad daripada bapanya, yang berkata bahawa Fatimah berkata kepada Abu Bakar, "Ummu Aiman menjadi saksiku bahawa Rasulullah s.a.w. memberi Fadak kepadaku."

Abu Bakar menjawab, "Wahai Puteri Rasulullah…harta ini (Fadak) bukannya kepunyaan Nabi s.a.w., sebaliknya ia adalah kepunyaan kaum Muslimin yang dipegang oleh Nabi s.a.w. untuk dinafkahkan di jalan Allah. Aku hanya mengambil alih untuk meneruskan amalan itu apabila Rasulullah s.a.w wafat,."

Kata Fatimah, "Demi Allah, aku tidak akan bercakap denganmu lagi."

Jawab Abu Bakar, "Demi Allah aku tidak akan berhijrah meninggalkan kamu."

Kata Fatimah, "Demi Allah aku akan berdo'a (keburukan) ke atas kamu."

Jawab Abu Bakar. "Demi Allah aku akan berdoa' (kebaikan) untukmu."

Ketika Fatimah hampir wafat, ia berwasiat melarang Abu Bakar solat ke atas jenazahnya, maka jenazahnya dikebumikan pada malam hari.[14]

---

[12] Riwayat atau khabar ini tidak sahaja diceritakan oleh golongan Syi'ah, tetapi juga oleh para 'ulamak mazhab lain, contohnya apa yang disebut oleh 'Ali b.Buhanuddin dalam kitabnya al-Sirah al-Halabiyah, II. h.270; Fakhr al-Razi, Tafsir al-Kabir

[13] Contohnya khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Aziz mengembalikan Fadak kepada keturunan Fatimah. Ibn Abi al-Hadid menyebutkan di dalam Syarh Nahj al-Balaghah, XIV. h.216 katanya, "…apabila 'Umar b. 'Abd al-'Aziz dilantik menjadi khlifah, ia memanggil al-Hasan b. al-Hasan b. 'Ali b. Abi Talib dan 'Umar lah khalifah yang pertama memulangkan tanah Fadak. Ada pula riwayat mengatakan ia memanggil 'Ali b. al-Husain dan mengembalikan tanah Fadak kepadanya. Oleh itu fadak menjadi milik anak cucu Fatimah beberapa ketika zaman pemerintahan 'Umar b. 'Abd al-'Aziz. Tetapi apabila Yazid b. 'Atikah dilantik menjadi khalifah, ia merampas kembali tanah itu dan diberikan hak milik kepada Bani Marwan sehingga pemerintahan khilfah mereka digulingkan. Setelah Abu 'Abbas al-Saffah dilantik menjadi Khalifah 'Abbasiyah, ia mengembalikan semula tanah Fadak kepada `Abdullah b. al-Hasan b. al-Hasan, kemduian diambil semula oleh khalifah Abu Ja'far al-Mansur, kemudian dipulangkan semula oleh al-Mahdi kepada anak cucu Fatimah dan diambil semula oleh oleh khalifah Musa b. al-Mahdi dan khalifah Harun. Tanah itu tetap berada di dalam milik mereka sehiggalah datang khalifah al-Ma'mun yang mengembalikan semula Fadak kepada keturun Fatimah.

[14] Bihar al-Anwar, XXVIII.h.305

Riwayat-riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah memberikan tanah Fadak kepada Fatimah.

Ditakhrijkan oleh al-Bazzar, Abu Ya'la, Ibn Abi Hatim dan Iban Mardawaih, dari Abu Sa'id al-Khudri katanya, "Ketika turun ayat:

وَءَاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ

'*Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya'* (Surah al-Isra' ayat 26), maka Rasulullah pun memanggil Fatimah dan memberikan kepadanya tanah Fadak."[15]

Juga diriwayatkan dari berbagai saluran, selain saluran Abu Sa'id al-Khudri seperti yang disebut oleh penulis kitab Kanz al-'Ummal, bahawa apabila turunnya firman Allah وَءَاتِ ذَاٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ *"Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya,"* Nabi s.a.w pun memanggil Fatimah dan memberikan kepadanya tanah Fadak.[16]

Ditakhrijkan oleh Ibn Mardawaih, daripada Ibn 'Abbas katanya, "Apabila turun ayat: وَءَاتِ ٱلْقُرْبَىٰ ذَاحَقَّهُۥ *"Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya"*, Rasulullah s.a.w pun memberikan tanah Fadak kepada Fatimah."[17]

Dari Abu Sa'id katanya, apabila turun ayat: وَءَاتِ ٱلْقُرْبَىٰ ذَاحَقَّهُۥ *"Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya"*, Rasulullah s.a.w pun memanggil Fatimah dan memberikan kepadanya tanah Fadak.[18]

Fadak adalah hak Fatimah.

Selepas Nabi s.a.w. kembali ke Madinah, turunlah Jibrail membawa ayat,

وَءَاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلْمِسْكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا

---

[15] Durr al-Manthur, IV.h.177 ketika mentafsirkan ayat 26 surah al-Isra'. Juga diriwayatkan oleh al-Tabarani seperti yang disebut al-Dhahabi dalam Mizan al-I'tidal, II.h.228, dan dianggap sahih oleh al-Muttaqi dalam Kanz al-Ummal, II:h.185. Diceritakan di dalamnya bahawa ketika turun ayat *"Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya."* Nabi s.a.w. pun bersabda, "Ya Fatimah, bagimu tanah Fadak." Katanya telah ditakhrijkan pula oleh al-Hakim dalam kitab Tarikhnya.

[16] Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, XVII.h.275

[17] Al-Suyuti, Durr al-Manthur, IV.h.177 dalam mentafsirkan ayat 26 surah al-Isra'

[18] Al-Haithami, *Majma' al-Zawa'id*, VII.h.49.

"Dan berikanlah kepada kearabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing, dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau." [19]

Maka Nabi s.a.w pun berfikir, siapakah kerabat yang disebutkan itu? Dan apakah hak mereka itu? Kemudian turunlah Jibrail sekali lagi bertemu Nabi s.a.w. lalu berkata, "Sesungguhnya Allah SWT mememrintahkanmu memberikan tanah Fadak kepada Fatimah, lalu Nabi s.a.w. pun memanggil Fatimah dan berkata kepadanya, "Sesungguhnya Allah Ta'ala memerintahkanku memberikan tanah Fadak kepadamu." Oleh itu tanah itu pun menjadi milik Fatimah dan beliau membelanjakan hasilnya kepada orang miskin.

Seperti ini jugalah tafsiran para mufassirin terkenal di kalangan 'ulamak Ahl al-Sunnah, iaitu apabila turun ayat yang bermaksud, *"Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya"*, Nabi s.a.w. pun memanggil Fatimah lalu memberinya tanahFadak.[20]

Sejak itu tanah Fadak berada di dalam pemilikan Fatimah. Ia diurus dan diusahakan oleh para pekerjanya dan hasilnya diberikan kepada Fatimah sejak zaman Nabi .s.a.w. lagi. Dengan itu Fatimah bebas membelanjakan pendapatannya dari hasil tanah tersebut; sama ada dinafkahkan untuk kegunaan dirinya sendiri, keluarganya, atau disedekahkan kepada orang miskin dan kepada yang memerlukan bantuan. Namun setelah kewafatan Rasulullah s.a.w., Abu Bakar menghantar sekumpulan orang untuk menghalau perkerja Fatimah dari tanah Fadak dan kemudian telah merampasnya serta melakukan perbuatan yang menggambarkan permusuhan.

Hukum fiqh berkaitan Fadak.

Apabila seseorang itu, misalnya A mendakwa bahawa harta yang ada di tangan seorang lain (B) adalah miliknya, sedangkan harta itu mungkin dimiliki oleh B dengan cara hibah (pemberian) atau diwarisi dan sebagainya, maka dalam keadaan ini B boleh meminta A memberi bukti tentang hakmilik itu.

Begitu juga halnya kalau seseorang mendakwa bahawa harta yang ada di tangan seorang lain adalah miliknya kerana telah diwasiatkan supaya ia mengambilnya, maka orang pertama itu adalah pendakwa (plantif) dan orang kedua adalah respondan. Dalam kes begini hakim meminta plantif mengadakan bukti untuk mensabitkan pemilikannya.
Kata seorang alim, iaitu al-marhum al-Na'ini, kes Fadak adalah satu cabang kecil daripada peraturan hukm fiqh ini.[21]

---

[19] Surah al-Isra' ayat 26

[20] Al-Tha'labi dalam tafsir Kasyf al-Bayan, dan diriwayatkan oleh Jalaluddin al-Suyuti, di dalam *Durr al-Manthur*, V.h.234; juga diriwayatkan oleh al-Hafiz ibn Mardawaih Ahmad b. Musa meniggal tahun 325 H.; al-Hakim, Syawahid al-Tanzil, I.h.436; Abu al-Qasim al-Hakim al-Haskani; al-Muttaqi al-Hindi, Kanz al-'Ummal, Ibn Kathir al-Dimasyqi, al-Faqih sl-Syafi'i dalam Tarikhnya; al-Syaikh Sulaiman al-Hanafi al-Qanduri dalam Yanabi' al-Mawaddah,I.bab 38, h.142 yang dinukil dari al-Tha'labi, dan *Jam' al-Fawa'id* serta '*Uyun al-Akhbar*.

Tanah Fadak sebenarnya telah dimiliki oleh Fatimah sejak beberapa tahun lamanya, oleh itu beliau merupakan penguasa (*Dhu al-yad*) ke atas tanah tersebut, sebagaimana katanya, “Fadak telah dihadiahkan kepadaku.” Sekalipun Fadak telah dihadiahkan Nabi s.a.w. kepada Fatimah, Abu Bakar pula mengatakan bahawa Nabi s.a.w. telah mewasiatkannya untuk diberikan kepada kaum Muslimin seluruhnya. Oleh itu Abu Bakar mestilah mengemukakan bukti.

Imam ‘Ali a.s. menegaskan bahwa Fatimah a.s. adalah pemilik sah Fadak dan mengatakan ia adalah hadiah dari bapanya, oleh itu Abu Bakar hendaklah mengadakan bukti bagi dakwaan yang mengatakan sebaliknya.

Abu Bakar bepegang kepada satu Hadis yang bermaksud, “Kami para nabi tidak meninggalkan pusaka, apa yang kami tinggalkan adalah sadaqah.” Sedangkan maksud “apa yang kami tinggalkan adalah sadaqah” itu sebenarnya ialah para nabi bukanlah ahli dunia yang mengejar kekayaan dan mengumpul harta lalu menjadikannya sebagai warisan pusaka. Oleh itu Hadis tersebut menafikan para nabi sukakan dunia kerana sifat yang demikian itu berlawanan dengan sifatnya para rasul utusan Allah Ta’ala.

Kesimpulannya, Hadis di atas bermaksud seperti yang telah disebutkan, kerana mereka adalah pemimpin ummah, menyeru kepada akhirat dan tidak tertawan oleh dunia. Andainya ia bermaksud mereka tidak meninggalkan pusaka, maka ia adalah berlawanan dengan ayat al-Qur’an yang terang menyatakan,

وَوَرِثَ سُلَيْمَٰنُ دَاوُۥدَ

“*Dan Nabi Sulaiman mewarisi Nabi Dawud.*” (Surah al-Naml ayat 16)

Juga ayat,

... فَهَبْ لِى مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا يَرِثُنِى وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ ۖ وَٱجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا

“…oleh itu kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki. Yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Ya’qub; dan jadikanlah dia wahai Tuhanku, seorang yang diredai dan disukai.” (Surah Maryam ayat 5-6)

Cara pembahagian pusaka juga diterangkan dalam ayat:

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِىٓ أَوْلَٰدِكُمْ ۖ

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dua orang anak perempuan.” (Surah al-Nisa’ ayat 11)

---

[21] Setelah tanah Fadak dirampas oleh Abu Bakar, Fatimah mengemukakan bukti, saksi dan hujjah yang menunjukkan tanah itu adalah miliknya, tetapi Abu Bakar tetap berdegil mengatakan ia adalah milik kaum Muslimin. ‘Ali juga telah berdailog dengan Abu Bakar secara panjang lebar, tetapi Abu Bakar tetap juga dengan pendiriannya.

Oleh yang demikian Hadis dan percakapan Abu Bakar itu menyalahi kalam Allah Ta'ala dan ayat al-Qur'an yang terang dan jelas. Selain itu Fatimah adalah penghulu wanita dari awal hingga akhir, beliau mengetahui segala hukum hakam Ilahi, jadi bagaimana Abu Bakar berani menentang pendapatnya?

Imam 'Ali a.s. meminta Abu Bakar menunjukkan bukti tentang dakwaannya, kerana Fadak telah berada di dalam milik Fatimah. Kemudian 'Ali bertanya kepada Abu Bakar, "Kepada siapakah diturunkan ayat

إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذۡهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجۡسَ أَهۡلَ ٱلۡبَيۡتِ وَيُطَهِّرَكُمۡ تَطۡهِيرًا

'…*sesungguhnya Allah hendak menghapuskan perkara yang mencemarkan diri kamu, wahai Ahl al-Bait dan hendak mebersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).*"? (Surah al-Ahzab ayat 33).

Abu Bakar menjawab, "Ayat itu diturunkan kepada kamu."
'Ali a.s. pun berkata, "Kalau ada saksi mengatakan Fatimah .a.s melakukan perkara munkar (*wal-'iyazubillah*) adakah kamu menjalankan hukum hudud kerana kesalahan itu"?.

Jawab Abu Bakar, "Ya."

Kata 'Ali pula, "Kalau begitu anda telah menolak kesaksian Allah terhadap Fatimah, (kerana Allah telah menyaksikan bahawa Fatimah telah disucikan) lalu anda mengambil kesaksian manusia. Anda telah membatalkan hukum Allah Ta'ala dan Rasul-Nya dengan merampas tanah Fadak yang telah berada di tangan Fatimah semasa hayat bapanya lagi, sedangkan anda percaya bahawa anda tergolong di kalangan kaum Muslimin dengan perbuatan itu. Anda perlulah mengemukan bukti kerana Nabi s.a.w. bersabda, maksudnya, "Bukti keterangan hendaklah dibuat oleh yang mendakwa dan sumpah hendaklah dibuat oleh yang terdakwa."[22]

Dalil yang diberi Fatimah dan khutbahnya.

Daripada Ibn Abi al-Hadid, disampaikan oleh Abu Bakar al-Jauhari, dengan sanadnya dari berbagai saluran yang sampai kepada Zainab al-Kubra binti Fatimah al-Zahra' dan kepada Husain b.'Ali b. Abi Talib, daripada bapanya a.s. juga kepada Imam al-Baqir Ja'far b. Muhammad b. 'Ali a.s., dan kepada 'Abdullah b. al-Hasan al-Muthanna Ibn al-Imam al-Hasan cucu Nabi s.a.w., semuanya meriwayatkan sebagai berikut:

Apabila Fatimah sampai ke tempat Abu Bakar, telah ramai di kalangan Muhajirin dan Ansar yang hadir di situ, mereka menangis melihat Fatimah kerana tekenangkan Rasulullah s.a.w.

---

[22] *Wasa'il al-Syi'ah* , XXVII. Bab 3.h. 233.

Fatimah lama berdiam diri dan suasana menjadi senyap sepi, kemudian baharulah ia berkata, “Aku bermula dengan pujian ke atas yang lebih aula diberi pujian, yang Maha tinggi dan Maha agung. Segala puji bagi Allah di atas nikmat-Nya dan syukur ke atas segala pemberian-Nya.”

Kemudian Fatimah memberi ucapan atau khutbah yang panjang dan pada akhirnya ia barkata, “Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan ta’atlah kepada segala suruhan-Nya,

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَـٰٓؤُا۟

“…sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah di kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu.”[23]

“Pujilah Allah yang dengan kebesaran-Nya dan cahaya-Nya seluruh isi langit dan bumi mencari wasilah untuk mengenal-Nya, kami (Ahl al-Bait) adalah wasilah bagi sekelian makhluk-Nya, kami adalah hujjah dalam keghaiban-Nya dan kami adalah waris bagi para anbiya’-Nya.”

Kemudian katanya lagi, “Aku ialah Fatimah anak perempuan Muhammad, aku mengatakan hal ini berulang kali, namun aku bukanlah mengatakannya secara berlebihan dan melampau, dengarlah dengan pendengaran yang sedar dan hati yang terbuka. Firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ إِن كُنتُنَّ تُرِدْنَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul dari golongan kamu sendiri, yang menjadi sangat keberatan kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat lobakan (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang yang beriman.”[24]

“Jika kamu memuliakannya, maka kamu akan dapati beliau adalah bapaku, bukannya bapamu.” Kemudian Fatimah menyambung percakapnnya dengan panjang lebar.

Pada akhir ucapannya beliau berkata, “Sekarang kamu mendakwa bahawa aku tidak boleh menerima pusaka bapaku:

أَفَحُكْمَ ٱلْجَـٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

---

[23] Surah Fatir ayat 28
[24] Surah al-Taubah ayat 128

“Sesudah itu patutkah mereka bekehendak lagi kepada hukum-hukum Jahiliyah? (pada hal pada orang yang penuh keyakinan) tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah” (Surah al-Maidah ayat 50)

“Wahai kaum Muslimin sekelian, pusaka bapaku telah dirampas daripadaku, adakah dengan hukum Allah wahai Abu Qahafah (Abu Bakar) kamu mewarisi pusaka bapamu, sedangkan aku tidak boleh mewarisi pusaka bapaku? Sesungguhnya kamu telah melakukan suatu perkara yang besar kesalahannya!” Hingga akhir khutbahnya.[25]

Disebutkan dalam riwayat lain, seperti dalam kitab *al-Saqifah wa Fadak* oleh Abu Bakar al-Jauhari dan lain-lain kitab, bahawa Fatimah berkata di dalam khutbahnya:

“Adakah dengan sengaja kamu meninggalkan kitab Allah dan membuangkannya ke belakang sedangkan Allah berfirman:

وَوَرِثَ سُلَيْمَٰنُ دَاوُۥدَ

“Dan Nabi Sulaiman mewarisi Nabi Dawud.” (Surah al-Naml ayat 16)

“Allah menceritakan pula tentang Nabi Yahya dan Zakariya, firman-Nya:

... فَهَبْ لِى مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا يَرِثُنِى وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ ۖ وَٱجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا

“…oleh itu kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki. Yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Ya’qub; dan jadikanlah dia wahai Tuhanku, seorang yang diredai dan disukai.” (Surah Maryam ayat 5-6)

“Allah juga menyatakan,

يُوصِيكُمُ ٱللَّهُ فِىٓ أَوْلَٰدِكُمْ ۖ

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dua orang anak perempuan.” (Surah al-Nisa’ ayat 11)

“Kamu mendakwa bahawa aku tidak mempunyai habuan dan tidak boleh mewarisi pusaka dari bapaku. Adakah terdapat ayat hukum Allah yang mengeluarkan bapaku dari hukum asas yang telah disebutkan? Atau adakah kamu mengatakan kalau dua orang yang berlainan agama tidak boleh mewarisi antara satu sama lain? Tidakkah aku dan bapaku mempunyai agama yang satu? Atau adakah kamu lebih mengetahui tentang al-Qur’an lebih daripada bapaku sama ada makna khusus atau makna umumnya? Firman Allah,

أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

[25] Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, XVI:211.

"Sesudah itu patutkah mereka bekehendak lagi kepada hukum-hukum Jahiliyah? (pada hal pada orang yang penuh keyakinan) tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah" (Surah al-Maidah ayat 50)

Demikianlah seperti apa yang diceritakan oleh al-Jauhari.[26]

Hujjah-hujjah Imam 'Ali a.s. dalam mensabitkan hak Fatimah al-Zahra'.

Imam 'Ali berkata kepada Abu Bakar di hadapan beberapa orang Muhajirin di dalam masjid, "Kenapa dilarang Fatimah mewarisi tanah Fadak yang telah dihadiahkan oleh Rasulullah kepadanya dan menjadi miliknya sejak masa itu."?[27]

Jawab Abu Bakar, "Harta ini menjadi hak kaum Muslimin." Lalu ia memberikan hujjah bersandarkan Hadis (rekaannya) yang berbunyi, "Apa yang kami tinggalkan adalah sadaqah."[28]

Untuk tujuan peribadinya dan untuk mencegah Fatimah daripada mendapat haknya, Abu Bakar menambah bahagian kedua Hadis tersebut, iaitu ungkapan, "Apa yang kami tinggalkan adalah sadaqah." Ungkapan ini diletakkan secara bersambung dengan ungkapan pertama iaitu, "Kami para nabi tidak mewariskan pusaka." Kemudian kedua ungkapan ini diriwayatkannya kepada orang ramai.

Imam 'Ali berkata lagi kepada Abu Bakar,"Wahai Abu Bakar, adakah anda menghukum kami berlainan dengan hukum Allah yang dikenakan kepada seluruh kaum Muslimin? Andainya ada seorang Muslim memegang sejenis harta dan menggunakannya sesuka hati dengan alasan harta itu miliknya, lalu aku mendakwa bahawa harta itu milikku, maka di pihak manakah yang anda minta bukti"?

Jawab Abu Bakar, "Di pihak anda."

Kata Imam 'Ali pula, "Sekarang mengapa pula anda meminta bukti dari Fatimah, sedangkan harta itu telah berada di tangannya dan telah memilikinya sejak zaman bapanya Rasulullah s.a.w. dan terus memilikinya hingga sesudah bapanya wafat? Mengapa anda tidak meminta bukti dari kaum Muslimin yang mendakwa bahawa harta itu adalah harta mereka"?

Abu Bakar diam dan tidak dapat memberikan jawaban. Lalu 'Umar berkata, "Tinggalkanlah kami dengan keadaan kami ini, kerana kami tidak dapat berhujjah dengan anda, jika ada saksi-saksi yang adil, maka tanah itu adalah hak Fatimah, kalau tidak ia adalah harta *fai'* (harta yang ditinggalkan musuh) dan menjadi hak kaum Muslimin."

---

[26] Abu Bakar al-Jauhari, *Kitab al-Saqifah wa Fadak*, h.144.

[27] Al-Suyuti, Durr al-Manthur, IV:177, dalam mentafsirkan ayat bermaksud,"Dan berikanlah kepada kerabatmu haknya."; lihat juga al-Haithami, *Majma' al-Zawa'id* , VII:49

[28]Bahagian yang sahih daripada Haith itu ialah bahagian pertama yang bermaksud, "Kami para nabi tidak meninggalkan warisan pusaka."

Maka kata Imam ‘Ali, “Wahai Abu Bakar adakah anda membaca al-Qur’an.”?

“Ya.” Sahut Abu Bakar.

Lalu kata Imam ‘Ali lagi, “Katakan kepadaku tentang ayat al-Qur’an yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah hanyalah hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu, wahai Ahl al-Bait dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).” Kepada siapakah ayat ini diturunkan? Kepada kami atau kepada orang lain daripada kami.”?

Jawab Abu Bakar, “Kepada kamulah ayat ini diturunkan.

Lalu kata Imam ‘Ali, “Andainya ada saksi mengatakan Fatimah melakukan kekejian (*na’udhubillah*), apakah yang kamu akan lakukan?
Abu Bakar menjawab, “Aku akan menjalankan hukum hudud ke atasnya sebagaimana juga yang dikenakan kepada seluruh kaum Muslimin.”

Kata Imam ‘Ali, “Kalau begitu anda kafir.”

“Mengapa pula.”? Tanya Abu Bakar.

Jawab Imam ‘Ali, “Kerana anda mengingkari kesaksian Allah T’ala yang telah menetapkan kesucian Fatimah, sebaliknya anda menerima kesaksian manusia terhadapnya. Ini bererti anda telah menolak hukum Allah dan Rasul-Nya tentang hak Fatimah dalam hal tanah Fadak dan anda berpendapat ia adalah harta kaum Muslimin seluruhnya, sedangkan Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya:

“Bukti adalah bagi pendakwa dan sumpah adalah bagi yang kena dakwa.”

Para hadirin yang ada di majlis itu pun saling berbisik dan merasa sangat setuju dengan pendapat Imam ‘Ali,[29] tetapi Abu Bakar dan para khulafa’ yang lain tidak mahu

---

[29] Hujjah Imam ‘Ali ke atas Abu Bakar dan ‘Umar tentang tentang hak Fatimah adalah berdasarkan Kitab dan Sunnah.
Dari Hammad b. ‘Uthman, dari Abu ‘Abdullah katanya, “Apabila Abu Bakar dilantik menjadi khalifah, ia pun mengutus orang ke Fadak dan menghalau wakil Fatimah yang menguruskan tanah itu, lalu Fatimah pun datang berjumpa Abu Bakar dan berkata, “Mengapa pula aku dihalang untuk mewarisi tanah pemberian bapaku Rasulullah s.a.w. dan mengeluarkan wakilku dari Fadak, sedangkan tanah itu telah dijadikan hakmilikku dengan perintah Allah Ta’ala.”?
Jawab Abu Bakar, “Bawalah saksi untuk membenarkan hal itu.”
Kemudian Fatimah pun membawa Ummu Aiman sebagai saksi, lalu Ummu Aiman berkata, “Aku tidak menjadi saksi kecuali anda mengaku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ummu Aiman adalah salah seorang wanita ahli syurga.”
Jawab Abu Bakar, “Bahkan aku mengaku mendengarnya.”
Kata Ummu Aiman pula, “Aku naik saksi bahawa ketika Allah menurunkan ayat yang bermaksud, “Maka berikanlah kepada kerabatmu haknya…(surah al-Rum: 38) lalu Rasulullah s.a.w. memerikan tanah Fadak kepada Fatimah dengan perintah Allah Ta’ala.”

mahu mendengar pendapat ‘Ali ini kerana kepentingan diri mereka, lalu mereka merampas tanah Fadak, sedangkan mereka mengetahui kebenaran itu di pihak ‘Ali.[30] Ini kerana pada pandangan mereka kalau tanah Fadak itu berada di dalam milik Fatimah, ia akan membahayakan kedudukan khilafah mereka, kerana kononnya orang ramai akan menyokong ‘Ali. Tetapi sejak bila pula ‘Ali menghimpunkan orang di sekelilingnya dengan menggunakan pengaruh harta?

Imam ‘Ali mempertahankan tanah Fadak.

Imam ‘Ali tetap bersabar di atas kezaliman para khulafa’ terhadap dirinya, di antaranya ialah kesabaran di atas perampasan tanah Fadak. Ini dilakukannya semata-mata ingin hendak menjaga agama dan umat Islam daripada berpecah.

Adapun para khulafa’ pula, mereka merancang hendak menghapuskan Islam dan menggunakan berbagai cara untuk mencapai tujuan mereka. Oleh itu Imam ‘Ali telah menulis sepucuk surat kepada Abu Bakar apabila Abu Bakar merampas tanah Fadak. Dalam surat itu Imam ‘Ali telah menerangkan hakikat sebenarnya kedudukan tanah tersebut. Surat itu penuh dengan bahasa kiasan

Kandungan surat ‘Ali a.s. kepada Abu Bakar tentang Fadak.

Kata Amir al-Mu’minin ‘Ali dalam risalahnya kepada Abu Bakar setelah beliau mendengar percakapan Abu Bakar yang merampas tanah Fadak daripada Fatimah a.s.:

“Kamu sekelian telah mengharung lautan gelora dan dilambung ombak fitnah dengan meninggalkan bahtera keselamatan (Ahl al-Bait), kamu juga membuang mahkota kemuliaan dengan pertolongan golongan penipu, kamu mencari cahaya dalam cahaya dan merompak harta pusaka Ahl al-Bait yang suci dan disucikan, lalu kamu menanggung dosa kerana merampas pemberian Nabi pilihan. Aku melihat kamu seperti orang buta yang meraba-raba dan teragak-agak berjalan dan berkeliling seperti berjalannya unta bekeling menarik kincir atau kisar tepung. Demi Allah, kalau aku diizinkan melakukan sesuatu yang kamu tidak tahu, aku akan tuai (potong) kepala kamu sehingga bercerai dari badan seperti aku menuai tanaman yang sedang berbuah dengan menggunakan pedang

---

Kemudian datang pula ‘Ali memberikan saksi sebagaimana saksi Ummu Aiman, lalu ia menulis surat menyatakan hal itu dan memberikan surat itu kepada Fatimah. Selepas itu masuk pula ‘Umar ke majlis itu dan terus bertanya, “Surat apa ini.”

Jawab Abu Bakar, “Fatimah mendakwa tanah Fadak adalah miliknya, lalu disaksikan oleh Ummu Aiman dan ‘Ali, kemudian ‘Ali menuliskan kesaksian itu.” Umar pun mengambil surat itu dari Fatimah dan mengoyakkannya. Fatimah pun menangis dan keluar sambil berkata, “Alllah akan mengoyak perutmu sebagaimana kamu mengoyak suratku.” (pada akhir zaman ‘Umar ia benar-benar mati ditikam dan dikoyak perutnya. Pent.).

[30] Abu Bakar sebenarnya mengiktiraf hak ‘Ali menjadi khalifah sesudah Nabi s.a.w. seperti yang disebut dalam khutbahnya yang panjang riwayat dari ‘Amir al-Sya’bi, dari ‘Urwah b. al-Zubair, dari Zubair b. al-‘Awwam. Di antaranya Abu Bakar mengatakan ia mendengar Nabi s.a.w. bersabda maksudnya, “Hak (kebenaran) itu bersama ‘Ali dan ‘Ali bersama yang hak.”

besi, aku juga boleh mencabut tengkorak pahlawan kamu yang berani dengan cukup dahsyat dan ganas, kerana sejak aku beperang aku tidak pernah dikalahkan dan semua pahlawan kafir Quraisy aku musnahkan. Sekarang kamu mengatakan bahawa kami tidak boleh mendapat nubuwwah dan khilafah keduanya sekali serta kamu mula menyebut semula dendam terhadapku kerana membunuh pahlawan kafir Quraisy di perang Badar dan Uhud."

Demi Allah kalau tidak kerana sebab yang telah ku sebutkan, iaitu perkara ini telah ditakdirkan, nescaya tulang rusuk kamu akan ku tolak masuk ke dalam perut kamu seperti gigi roda kincir bersilang masuk mengikut alurnya yang ditetapkan. Andai kusebutkan perkara ini, kamu mengatakan aku berhasad dengki, tetapi seandainya aku diam, kamu akan mengatakan Ibn Abi Talib ini takut mati. Sebenarnya aku sekali-kali tidak takut mati, tidak takut menempuh maut walaupun di tengah malam yang gelap pekat. Aku punya dua bilah pedang yang berat dan dua lembing yang panjang, akulah pembawa bendera dalam peperangan merempuh musuh, akulah pembuka jalan bagi segala halangan yang menentang. Demi Allah! Bagi Ibn Abi Talib, maut itu adalah teman yang mesra, lebih daripada anak kecil yang bermesra dengan ibunya. Kalau aku terangkan dan tafsirkan apa yang ada di dalam kitab Allah tentang diri kamu, nescaya kamu akan menggelabah dan menggeletar sebagaimana menggeletarnya bulu-bulu burang ditiup angin dan kamu akan keluar dari rumah melarikan diri dengan keadaan hina dan dukacita. Tetapi aku menahan perasaanku, sehingga aku bertemu Tuhanku degan tangan kosong, tidak merasai sebarang kelazatan dan kemewahan seperti kamu. Bagiku dunia kamu itu adalah seperti awan yang naik tinggi lalu mengumpul wap hujan, kemudian turun menjadi hujan lalu hilang lesap begitu sahaja.

"Lambat laun hakikat kebenaran akan jelas kelihatan, seperti jelasnya pandangan selepas debu peperangan turun dan berakhir. Kamu akan menuai buah dan hasil kejahatan yang kamu tanam, kamu akan dapat hasil usaha kamu berupa racun pahit yang berbisa serta membunuh dengan serta merta. Cukuplah Allah menjadi hakim, Rasulullah sebagai tempat bicara atau berhukum dan Kiamat tempat kita berdiri menanti hukuman. Allah tidak akan melepaskan sesiapa pun dari hukuman-Nya. Salam ke atas orang yang mengikuti pertunjuk."

Apabila Abu Bakar membaca surat itu, ia pun merasa sangat takut, seram dan gementar, lalu ia berkata, "Subhanallah, alangkah beraninya tindakanku sedangkan orang lain tidak berani melakukannya.

"Wahai kaum Muhajirin dan Ansar, kamu mengetahui bahawa aku bermesyuarat dengan kamu tentang tanah Fadak selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. lalu kamu berkata bahawa para nabi tidak meninggalkan harta pusaka dan harta ini wajiblah dicampurkan dengan harta fai' serta digunakan untuk membeli binatang tunggangan dan alat senjata serta dibelanjakan untuk tujuan jihad dan menjaga sempadan negara. Oleh itu kita menurut dan setuju dengan pendapat kamu, tetapi orang yang mendakwa haknya tidak setuju, sekarang ia memberi ugutan dan janji buruk serta ancaman. Dia memberi alasan kerana hak dan hubungan dengan Nabinya Muhammmad s.a.w., oleh itu demi Allah aku menarik diri dari keputusan tadi dan tidak akan meneruskannya kerana aku tidak suka

kepada ‘Ali b. Abi Talib dan tidak mahu bersengketa dengannya. Siapakah yang berani melawan ‘Ali dan mengalahkannya.”?

Jawab ‘Umar b. Al-Khattab, “Mengapa kamu tidak boleh bercakap perkara lain selain ini? Tidakkah kamu selalu mendahului dalam peperangan dan pemurah pula ketika kesempitan? Subhanallah! Alangkan kecilnya hati dan jiwa kamu. Kami telah memilih kamu sebagai pelindung tempat kami minum air, tetapi kamu tetap juga enggan dan terus merasa dahaga, sedangkan pada ketika ini semua orang Arab telah tunduk serta patuh kepada kamu. Kamu telah menguasai golongan berpengaruh dan pandai mentadbir, kalau tidak tentulah ‘Ali b.Abi Talib telah menghancurkan tulang temalang kamu menjadi debu. Pujilah Allah yang telah memberi peluang kepada kamu, bersyukurlah kepada-Nya, kerana sesiapa yang dapat naik ke atas mimbar Rasulullah s.a.w. patutlah ia bersyukur kepada-Nya. Adapun ‘Ali b. Abi Talib ini adalah seperti batu pejal yang keras dan tidak akan mengalirkan airnya kecuali dipecahkan, juga seperti ular yang berbisa yang hanya dapat dijinakkan dengan jampi, atau seperti pohon kayu yang pahit, kalau disapu dengan madu pun ia tetap pahit juga. Dia telah membunuh para pembesar Quraisy sehingga musnah semuanya, dia juga mempermalukan mereka semalu-malunya. Sekarang ini kamu telah mendapat tempat yang teguh dan selesa, oleh itu kamu jangan takut kepada ancamannya dan jangan gentar kepada gertakannya, kerana aku akan menutup pintunya sebelum ia menutup pintu kamu.”

Lalu Abu Bakar menjawab, “Aku merayu kepada kamu dengan nama Allah wahai ‘Umar, janganlah ikutkan perasaan marah dan melakukan kekerasan, demi Allah kalau Ibn Abi Talib itu mahu membunuhku dan membunuhmu, kita akan mati terbunuh dengan kuasa tangan kirinya sahaja tanpa menggunakan tangan kanannya. Kita tidak akan terlepas dan selamat darinya kecuali disebabkan tiga perkara berikut, iaitu pertamanya dia (‘Ali) hanya berseorangan, tidak ada siapa yang membantunya. Kedua dia tetap mengikut wasiat sepupunya Rasulullah s.a.w. terhadap kita, iaitu dia dilarang bertindak. Ketiga semua kabilah Arab yang diperanginya ketika mereka menentang Islam telah dilanyaknya seperti unta muda melanyak tanaman di musim bunga. Ketahuilah bahawa kalau tidak kerana tiga sebab ini, kepimpinan umat ini akan dapat ke tangannya walaupun kita benci kepadanya. Adapun dunia ini tidak ada erti langsung baginya, dia takut kepada kemewahan dunia seperti kita takut menemui ajal kematian.

“Lupakah kamu kepada peristiwa pada hari peperangan Uhud? Pada ketika itu kita semua telah lari naik ke atas bukit, sedangkan ‘Ali telah dikepung di segenap sudut oleh tentera musuh yang terdiri dari semua pahlawan terbilang mereka dan mereka berazam hendak membunuhnya, tidak ada jalan keluar bagi ‘Ali, tetapi kemudian ia memusing tunggangannnya sehingga tikaman musuh tidak mengenainya, seterusnya ia berdiri di atas binatang tunggangannya sambil mengetuk pelananya ia berkata, “Ya Allah, ya Allah, ya Jibrail, ya Jibrail, ya Muhammad, ya Muhammad, kejayaan, kejayaan.” Kemudian dia menuju ke arah ketua kaum itu lalu menetak dengan senjatanya hingga terbelah dua, selepas itu dia pergi kepada pembawa bendera lalu membelah kepalanya hingga ke badan dan kepala binatang tunggangannya, semuanya terbelah dua. Apabaila melihat kejadian itu, semua musuh pun melompat melarikan diri, tetapi ada yang menjadi mangsa pedangnya lalu jatuh ke bumi belumuran tanah dan darah serta melayanglah

nyawa mereka. Adapun kita akan menerima nasib yang sama atau lebih teruk lagi kalau kita tidak dapat menahan perasaan dan terus melawannya dengan pedang. Oleh itu kita hendaklah memalingkan perhatiannya kepada perkara lain dan berlembut dengannya. Ketahuilah bahawa kalau tidak kerana satu ayat yang diturunkan dari Kitab Allah nescaya kita tentu akan binasa, ayat itu ialah firman Allah:

وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْ

"…dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu."[31]

"Oleh itu tinggalkanlah lelaki ini, janganlah kamu terpedaya dengan kata-kata Khalid yang mengatakan bahawa dia boleh membunuhnya, kerana Khalid tidak akan dapat melakukannnya, sebaliknya kalau dia cuba memanahnya, maka Khalid akan jadi orang pertama yang terbunuh oleh tangannya, kerana memang keturunan 'Abd Manaf kalau menyerang akan mengalahkan musuh terutamanya 'Ali b. Abi Talib yang merupakan taringnya yang terbesar, kemuncak belakangnya yang terpanjang dan kepalanya yang terbesar. Salam ke atas mereka yang menurut pertunjuk."[32]

'Ali b. Abi Talib berdiam diri untuk menjaga agama dan syari'at Nabi Sayyid al-Mursalin.

Imam 'Ali berdiam diri dan bertenang supaya tidak berlaku huru hara dan perang saudara dalam negeri, kerana beliau melihat bahawa menuntut haknya dalam suasana yang ada pada masa itu akan membahayakan agama dan menghapuskan Islam, bahawa seandainya berlaku perang di kalangan sesama kaum Muslimin, maka banyaklah mereka yang menanti peluang untuk murtad atau kembali semula kepada zaman sebelum Islam. Oleh itu, banyak riwayat di kalangan Ahl al-Bait menyatakan bahawa sekembalinya Fatimah Zahra' a.s. dari masjid setelah memberikan khutbahnya yang penting dengan membentangkan hujjah yang sangat kuat ke atas pihak lawan, beliau pun berkata pula kepada Abu al-Hasan ('Ali), "Wahai Ibn Abi Talib, anda bersifat seperti janin (anak dalam kandungan), duduk di bilik seperti orang tidak yakin, anda membatalkan perjuangan menentang penyelewengan, lalu anda dikhianati kerana sikapmu yang mengasingkan diri. Ibn Abi Qahafah ini telah merampas pemberian bapaku dan bekalan dua anak lelakiku, dia dengan terang memusuhiku dan aku telah pun mengecamnya…"

'Ali menjawab, "Kawallah perasaanmu dan sabarlah wahai puteri Nabi pilihan dan baki kenabian, aku tidak mencuaikan urusan agamaku dan tidak pula tersalah dalam menilai kudratku, jika anda mahukan sumber makanan, maka rezekimu dan kehidupanmu adalah terjamin. Apa yang aku dapat sediakan adalah lebih banyak dan baik daripada apa yang diberikan kepadamu."

---

[31] Surah Ali 'Imran ayat 152

[32] Al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, I. h.243-252; juga diriwayatkan separuh darinya oleh al-Sayyid al-Radi dalam Nahj al-Balaghah, khutbah no.5, juga disebutkan oleh al-Hilwani dalam *Nuzhat al-Nazir wa Tanbih al-Khatir*; h.55; Ibn al-Jauzi, *Tadhkirat al-Khawwas*, h.121, juga dirwayatkan darinya dalam al-Bihar.

Seterusnya para perawi meriwayatkan, sedang ‘Ali bercakap dengan Fatimah dan menenangkan hatinya, azan pun berkumandang dari masjid, lalu ‘Ali berkata kepada Fatimah, “Wahai puteri Rasulullah, jika anda ingin mendengar suara azan ini terus berkumandang di udara dan mengingatkan anda kepada masa hayat bapamu Rasulullah s.a.w. maka berserahlah kepada Allah dan bersabarlah.”

Maka jawab Fatimah, “Aku berserah kepada Allah.” Kemudian beliau pun diam.[33]

Maka ‘Ali pun mengorbankan haknya dan hak isterinya Fatimah, dan mereka pun berdiam diri demi untuk menjaga agama dan syari’at Sayyid al-Mursalin dari hilang lesap dimakan huru-hara dan peperangan.

Fatimah adalah wanita terbaik dan penghulu mereka.

Terdapat berbagai riwayat Ahl al-Sunnah yang mengakui bahawa Rasulullah s.a.w. beberapa kali bersabda bahawa Fatimah a.s. adalah wanita terbaik. Sabda Nabi s.a.w. ini adalah keterangan hakiki yang tidak dipedulikan oleh orang yang pertama merampas khilafah (jawatan khalifah) sedangkan dia berhadapan dengan Fatimah tetapi membelakangkan perintah Rasulullah s.a.w.

Ini terbukti dengan apa yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah yang katanya pernah pada suatu masa, Fatimah a.s. datang berjumpa Nabi s.a.w., beliau berjalan dengan gaya berjalan yang saling tak tumpah persis cara berjalannya Rasulullah. Setelah sampai, dia pun disambut oeh Nabi s.a.w.sambil bersabda, “Selamat datang anakku.” Kemudian dipersilakannya duduk di sebelah kanan atau sebelah kiri. Selepas itu, Rasulullah s.a.w. berbisik kepadanya, lalu dia menangis, aku pun bertanya kepadanya mengapa dia menangis? Seterusnya Rasulullah s.a.w. lalu berbisik lagi, lalu dia pun ketawa.

Aku pun berkata kepadanya, “Aku tidak pernah melihat seperti keadaan hari ini, duka dan gembira begitu berhampiran.” Kemudian aku bertanya kepada Fatimah mengenai yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. itu.

Fatimah menjawab, “Aku tidak akan membuka rahsia yang telah dikatakan oleh Rasulullah s.a.w.”

Kata ‘Aisyah lagi, setelah Rasulullah wafat aku pun bertanya kepada Fatimah tentang rahsia itu, lalu jawabnya, “Rasulullah memberitahu kepadaku satu rahsia, iaitu pada kebiasaannya setiap tahun Jibrail datang membentangkan al-Qur’an sekali sahaja, tetapi pada tahun itu dua kali, katanya lagi, ini menunjukkan ajalnya telah dekat dan aku adalah keluarganya yang paling awal menyusul dan mengikutnya. Mendengar demikian aku pun menangis. Kemudian katanya, tidakkah kamu reda menjadi penghulu seluruh

[33] Al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, I.h.280-284

wanita ahli syurga atau seluruh wanita kaum Mu'minin? Mendengar demikian aku pun ketawa."[34]

Juga dari 'Aisyah Umm al-Mu'minin yang berkata: Pada suatu ketika, kami para isteri Nabi s.a.w. semuanya berada di sisinya, tidak ada seorang pun yang tertinggal. Kemudian datanglah Fatimah berjalan menuju kami dengan gaya jalan yang saling tak tumpah dengan gaya jalannya Rasulullah s.a.w. Apabila Rasulullah melihatnya, bagindapun menyambut Fatimah dengan bersabda, "Selamat datang anakku."

Kemudian baginda mempersilakan Fatimah duduk di sebelah kanan atau sebelah kiri dan memberitahu sesuatu secara rahsia, lalu Fatimah menangis teresak-esak. Melihat kesedihan yang yang ditanggung Fatimah, Rasulullah pun memberitahu sekali lagi secara berahsia satu perkara lain pula, lalu Fatimah pun ketawa.

Kata 'Aisyah lagi, aku pun berkata kepada Fatimah, "Aku adalah salah seorang isteri Rasulullah s.a.w. tetapi beliau telah memberi keistimewaan kepadamu seorang dengan membisikkan satu rahsia, sehingga kamu menangis."

Setelah Rasulullah s.a.w. beredar aku pun bertanya lagi kepadanya, "Apakah yang menyebabkan kamu begitu gembira."?

Fatimah menjawab, "Aku tidak akan membuka rahsia Rasulullah yang diberikan kepadaku."

Setelah Rasulullah s.a.w.wafat, aku pun bertanya lagi, "Kamu telah berazam menyimpan rahsia itu semasa hayatnya, bolehkah kamu khabarkan sekarang."?

Fatimah menjawab, "Sekarang ini bolehlah." Lalu beliau menceritakan kepadaku seperti berikut:

"Adapun rahsia pertama yang dibisikkan kepadaku ialah bapaku mengatakan bahawa Jibrail biasanya membentangkan al-Qur'an sekali setahun, tetapi pada tahun itu dua kali, ini menunjukkan ajalnya telah hampir, oleh itu beliau menyuruhku bertaqwa kepada Allah dan bersabar, lalu aku menangis seperti yang kamu lihat. Apabila beliau melihat aku sangat bersedih, beliau lantas berbisik kepadaku kali kedua dengan katanya, 'Wahai Fatimah, tidakkkah kamu redha menjadi penghulu wanita golongan Mu'minin atau penghulu wanita umat ini.'"?[35]

---

[34] Sahih al-Bukhari, dalam bahagian *kitab Bad' al-Khalq;* diriwayatkan juga oleh Ahmad b. Hanbal dalam Musnadnya, VI.h.282, dia menyebut Fatimah sebagai penghulu umat ini atau penghulu wanita kaum Mu'minin; diriwayatkan juga oleh Ibn Sa'd dalam Tabaqatnya, II.h.40 dengan ungkapan penghulu wanita umat ini atau wanita seluruh alam; diriwayatkan pula oleh al-Nasa'i dalam khasa'isnya dengan lafaz penghulu wanita umat ini atau wanita kaum Mu'minin.

[35] Sahih al-Bukhari, dalam kita al-Isti'dhan, bab "Siapa yang berbisik di hadapan orang ramai…dan diriwayatkan juga oleh Muslim di dalah Sahihnya, dalam bab Fada'il al-Sahabah, iaitu dalam bab Fada'il Fatimah. Muslim menambah ungkapan, "Kamu adalah keluargaku yang paling awal mengikutku ke alam akhirat. Muslim seterusnya meriwayatkan sekali lagi di dalam bab tersebut melalui saluran riwayat lain tanpa sebarang tambahan. Al-Nasa'i pula meriwayatkan dalam Sahihnya, iaitu dalam bab yang

Di dalam Sunan al-Tirmidhi, iaitu dalam bab Manaqib Hasan dan Husain a.s., diriwayatkan dari Hudhaifah, katanya: Ibuku bertanya kepadaku, “Berapa lama kamu bersamanya.”? Maksudnya bersama dengan Nabi s.a.w.

Jawabku. “Aku sudah lama tidak berjumpa dengannya, sejak sekian-sekian lamanya.”

Ibuku terus mendesakku supaya menceritakan dengan lebih lanjut lagi, lalu aku berkata kepadanya, “Benarkan aku pergi berjumpa Nabi s.a.w. untuk bersolat maghrib bersamanya dan meminta do’a supaya diampunkan dosaku dan dosa ibu sekali.”

Seterusnya aku pun pergi berjumpa Nabi s.a.w. dan bersolat maghrib bersamanya, kemudian bersolat ‘isyak dan solat sunat. Aku pun mengikuti semua solatnya dan apabila mendengar suaraku ia pun bertanya, “Siapakah ini, adakah kamu Hudhaifah.”?

“Ya.” Jawabku.

Rasulullah s.a.w. pun bertanya, “Apakah hajat kamu, untuk minta keampunan Allah ke atas kamu dan ibumu? Pada malam ini ada satu mala’ikat yang tidak pernah turun ke bumi, ia telah meminta izin daripada Tuhannya untuk memberi salam kepadaku dan memberi khabar gembira, iaitu Fatimah adalah penghulu wanita ahli syurga sedangkan Hasan dan Husain pula adalah penghulu pemuda ahli syurga.”[36]

Daripada ‘Aisyah, katanya: Ketika Nabi s.a.w. sedang sakit yang membawa kepada kewafatannnya, baginda bersabda kepada Fatimah, “Wahai Fatimah, tidakkah kamu redha menjadi penghulu wanita seluruh alam, penghulu wanita umat ini dan penghulu wanita kaum Mu’minin.”?[37]

---

menyebutkan tantang Rasululllah sakit dan ia menyebutkan dengan tambahan kalimat itu. Abu Dawud juga meriwayatkan dalam Musnadnya, (vol.6) iaitu tentang Hadis berkaitan dengan wanita. Ia menyebut dengan lafaz “penghulu wanita seluruh alam” atau penghulu wanita umat ini. Abu Nu’aim juga meriwayatkan dalam Hilyahnya, II.h.29 dengan lafaz “penghulu wanita seluruh alam” atau wanita umat ini. kemudian ia menyebutkan Hadis ini menerusi beberapa turuq yang lain. Al-Tahawi jug meriwayatkan dalam *Musykil al-Athar*, I.h.48-49 melalui dua turuq, dan riwayat al-Nasa’i dalam Khasa’isnya, h.34, ia menggunakan ungkapan “penghulu wanita umat ini” atau penghulu wanita seluruh alam.

[36] Sahih al-Tirmidhi, bab Manaqib Hasan dan Husain h.327, Hadis no. 65; Diriwayatkan juga oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak , III: 164, katanya Hadis ini sahih isnadnya. Juga diriwaytkan oleh Ahmad ibn Hanbal dalam Isnadnya V:291 dan diriwayatkan oleh Abu Nu’aim dalam Hilyahnya, IV:190; Ibn al-Athir juga menceritakannya dalam Asad al-Ghabah, V.h.574; al-Muttaqi, Kanz al-‘Ummal, VI, h.217, katanya Hadis ini ditakhrijkan oleh al-Ruyani dan Ibn Habban dalam Sahihnya dari Hudhaifah, di halaman 218 ia mengatakan Hadis ini ditakhrijkan oleh Ibn ‘Asakir dari hudhaifah, di dalam vol.VII, h. 102 pula ia mengatakan ditakhrijkan oleh Ibn Jarir dari Hudhaifah dan di halaman 111 ia hanya menyebut Hadis tentang Fatimah ini dan mengatakan ia ditakhrijkan oleh Ibn Abi Syaibah.

[37] Mustadrak al-Sahihain, III.h.156.

Juga diriwayatkan oleh ‘Imran b. Husain katanya, bahawa Nabi s.a.w. bertanya kepadanya, “Aku hendak pergi menziarahi Fatimah kerana beliau sedang sakit, mahukah kamu pergi bersamaku.”?

“Bahkan, tentulah mahu!” Jawabku.

Kemudian kami pun pergi sehingga sampai ke pintu rumah Fatimah lalu baginda pun memberi salam dan meminta izin masuk. Kemudian baginda bersabda, “Bolehkah aku masuk bersama seseorang yang bersamaku.”?

Jawab Fatimah, “Ya, dengan orang yang bersamamu wahai bapaku, tetapi demi Allah aku hanya punya kain buruk untuk dibuat tudung,”

Maka Nabi s.a.w. pun mengajaranya cara menutup ‘aurat dengan kain buruk tersebut. Kemudian Fatimah berkata, “Aku tidak ada kain penutup kepala.” Lalu Nabi s.a.w. pun mengambil kain lusuh di kepalanya dan menyuruh Fatimah menutup kepalanya dengan kain tersebut, kemudian barulah kami masuk.

Nabi s.s.w. seterusnya bertanya, “Bagaimana keadaanmu wahai anakku.”?

Jawab Fatimah, “Aku sakit, tambahan pula tidak ada makanan untuk dimakan.”

Kata Nabi s.a.w. lagi, “Wahai anak perempuanku, tidakkah kamu redha menjadi penghulu wanita seluruh alam.”?

Sahut Fatimah pula, “Wahai bapaku, di mana pula kedudukan Maryam binti ‘Imran.”?

Kata Nabi s.aw. pula.”Dia menjadi penghulu wanita dalam alamnya dan kamu menjadi penghulu pada alam kamu pula. Demi Allah aku telah mengkahwinkan kamu dengan seorang penghulu di dunia dan di akhirat.”[38]

Dari Jabir b. Samurah katanya, Nabi s.a.w telah datang ke suatu majlis lalu baginda duduk kemudian berkata, “Fatimah sedang sakit.”

Kata para sahabat, “Kalaulah kami dapat menziarahinya.”

Nabi s.a.w. pun bangun mengajak mereka pergi dan berjalan hingga sampai ke pintu rumah Fatimah yang mempunyai alat pengetuk pintu, lalu Nabi s.a.w. mengetuknya dan menyuruh Fatimah berpakaian menutup aurat dan berkemas diri kerana beberapa orang ingin menziarahinya.

---

[38] Hilyat al-Auliya’,II. h.42; diriwayatkan juga oleh al-Tahawai dalam Musykil al-Athar, I.h.50 dan ia menambah lagi ungkapan pada akhir Hadis, “Dia (suamimu) tidak dibenci kecuali oleh orang munafiq.” Disebutkan pula oleh al-Muhib al-Tabari dalam Dhakha’ir al-‘Uqba. Katanya Hadis ini ditakhrijkan oleh al-Hafiz Abu al-Qasim al-Dimasqi, dan ia menyebutkan tambahan itu.

Fatimah pun berkata, “Wahai Nabi Allah, aku tidak mempunyai apa-apa kecuali sehelai kain buruk.”

Nabi s.a.w. pun mencampakkan kain selendangnya ke sebalik pintu sambil berkata, “Gunakanlah kain ini untuk menutup kepalamu.”

Kemudian Nabi s.a.w. dan kumpulan tersebut pun masuk ke dalam serta duduk seketika. Selepas itu mereka pun keluar sambil berkata, “Demi Allah! Anak perempuan Nabi kita s.a.w. dalam keadaan begini (tiada pakaian kecuali kain buruk).”

Kata Jabir, aku pun berpaling kepada Nabi s.a.w. lalu baginda bersabda, “Sesungguhnya dia adalah penghulu wanita pada hari Qiyamat.”[39]

Terdapat juga riwayat dari Abu Hurairah, katanya: Pada suatu hari yang panas, Rasulullah s.a.w. lambat datang menemui kami, apabila menjelang petang, seorang daripada kami berkata, “Kami merasa susah hati kerana lambat melihatmu hari ini wahai Rasulullah.”

Jawab Rasulullah s.a.w, “Ada satu malaikat di langit yang belum pernah menziarahiku, lalu ia meminta izin dengan Allah untuk menziarahiku dan memberitahu khabar gembira kepadaku, iaitu, anak perempuanku Fatimah adalah penghulu wanita umatku serta Hasan dan Husain pula adalah penghulu para pemuda ahli syurga.[40]

Kata ‘Aisyah pula, ketika Rasulullah s.a.w. sakit, iaitu sakit yang membawa kepada kewafatannya, baginda bersabda, “Wahai Fatimah anak perempuanku, tundukkan kepalamu ke arahku.”

Fatimah pun menundukkan kepalanya dan Nabi s.a.w. pun membisikkan sesuatu kepadanya buat seketika, lalu kelihatan Fatimah menangis dengan disaksikan oleh ‘Aisyah, kemudian Nabi s.a.w. menyuruh Fatimah tunduk kepadanya sekali lagi dan membisikkan sesuatu, lalu Fatimah ketawa.

‘Aisyah bertanya keapda Fatimah, “Apa bapamu bisikkan.”?

Jawab Fatimah, “Adakah kamu menyangka beliau membisikkan rahsia kepadaku dan kemudian membuka pula rahsia itu kepada orang semasa hayatnya.”?

‘Aisyah berasa marah kerana ada rahsia yang tidak diketahuinya, sehinggalah Rasulullah s.a.w. wafat. Setelah itu baharulah dia bertanya kepada Fatimah, “Tidakkah boleh kamu ceritakan rahsia itu sekarang.”?

Jawab Fatimah, “Adapun sekarang ini bolehlah, beliau berbisik kepadaku pada kali pertama dengan mengatakan bahawa Jibrail selalunya turun membentangkan al-

---

[39] Hilyat al-Aulia’, II.h.42

[40] Al-Nasa’i, Khasa’is, h.118; al-Muttaqi juga menyebutkannya di dalam Kanz al-‘Ummal, VI.h.221, katanya Hadis ini ditkhrijkan oleh al-Tabarani dan Ibn al-Najjar dari Abu Hurairah.

Qur'an sekali setiap tahun, tetapi pada tahun itu ia membentangkannya dua kali. Beliau juga mengatakan bahawa setiap seorang nabi yang datang, umurnya hanya separuh daripada umur nabi sebelumnya, beliau seterusnya menerangkan bahawa Nabi 'Isa berumur 120 tahun, oleh itu tentulah beliau akan pergi pada umur sekitar 60 tahun, iaitu separuh umur Nabi 'Isa. Mendengarkan itu, aku pun menangis. Kemudian beliau bersabda, 'Wahai anak perempuanku, tidak ada wanita kaum Mu'minin yang lebih menderita daripadamu, oleh itu jangalah kemu menjadi perempuan yang paling kurang sabarnya.' Kemudian beliau berbisik kepadaku sekali lagi dan memberitahu bahawa aku adalah orang yang pertama mengikutnya pergi ke alam akhirat dan mengatakan sesungguhnya aku adalah penghulu wanita ahli syurga."[41]

Setelah itu kata 'Aisyah kepada Fatimah binti Rasulullah s.a.w., "Sesungguhnya aku juga memberi khabar gembira kepadamu, iaitu aku mendengar Nabi s.a.w. bersabda, "Penghulu wanita ahli Syurga ada empat orang, iaitu Maryam binti 'Imran, Fatimah binti Rasulullah s.a.w., Khadijah binti Khuwailid dan Asiah.[42]

Diriwayatkan oleh al-Muttaqi al-Hindi daripada 'Ali a.s. bahawa Nabi s.a.w. bersabda kepada Fatimah a.s., "Tidakkah kamu redha menjadi penghulu wanita ahli syurga dan dua anak lelaki kamu menjadi penghulu pemuda ahli syurga.[43]

Diriwayatkan juga dengan ungkapan, "Tidakkah kamu redha kerana aku kahwinkan kamu dengan orang yang pertama memeluk Islam dan yang paling luas ilmunya di kalangan kaum Muslimin. Kamu juga penghulu wanita umatku sebagaimana Maryam menjadi penghulu wanita kaumnya. Tidakkah kamu redha wahai Fatimah, sesungguhnya Allah telah melihat penduduk bumi, lalu Dia memilih dua orang lelaki, satu daripadanya bapamu dan yang satu lagi suamimu."[44]

Diriwayatkan oleh al-Tabari, daripada Ibn 'Abbas, daripada Nabi s.a.w., sabdanya, "Ada empat wanita yang menjadi penghulu untuk zaman mereka masing-masing, iaitu Maryam binti 'Imran, Asiah binti Muzahim, Khadijah binti Khuwailid dan Fatimah binti Muhammad s.a.w., tetapi yang paling beilmu di antara mereka ini ialah Fatimah." Kata al-Tabari, Hadis ini ditakhrijkan oleh al-Hafiz al-Thaqafi al-Asbahani.[45] Al-Suyuti juga menyebutkannya di dalam al-Durr al-Manthur, iaitu di hujung tafsiran ayat :

وَإِذْ قَالَتِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرْيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰكِ وَطَهَّرَكِ وَٱصْطَفَىٰكِ عَلَىٰ نِسَآءِ ٱلْعَٰلَمِينَ

---

[41] Kaanz al-'Ummal, V:111, katanya Hadis ini ditakhrijkan oleh Ibn 'Asakir
[42] Mustadrak al-Sahihain, h.2053, Hadis no.4853.
[43] Kanz al'Ummal, VII.h.111
[44] Kanz al-'Ummal, VII.h.153, katanya Hadis ini ditakhrijkan oleh al-Hakim, al-Tabarani dan dan al-Khatib.

[45] Dhakha'ir al-'Uqba, h.440

“Dan ketika mala’ikat berkata: ‘Wahai Maryam, sungguhnya Allah telah memilihmu dan mensucikanmu, dan telah memilihmu melebihi wanita-wanita seluruh alam (yang sezaman denganmu).’” (Surah Ali ‘Imran ayat 42).

Kata al-Suyuti Hadis tentang Fatimah ini ditakhrijkan oleh Ibn ‘Asakir dari saluran Muqatil, dari al-Dahhak, dari Ibn ‘Abbas, dari Nabi s.a.w.

Diriwayatkan pula oleh al-Hakim dari Ibn ‘Abbas katanya: Nabi s.a.w. telah mengggariskan empat garisan dan berkata, “Tahukah kamu apa ertinya ini.”?

Jawab yang hadir, “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.”

Jawab Nabi s.a.w., “Sesungguhnya wanita yang paling afdal (utama) ialah Khadijah binti Khuwailid, Fatimah binti Muhammad s.a.w., Maryam binti ‘Imran dan Asiah binti Muzahim.”[46]

Diriwayatkan oleh Ibn ‘Abd al-Barr daripada Abu Hurairah katanya, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sebaik-baik wanita di seluruh alam ialah empat orang, iaitu Maryam binti ‘Imran, Asiah binti Muzahim, Khadijah binti Khuwailid dan Fatimah binti Muhammad s.a.w.”[47]

Diriwayatkan juga dalam Kanz al-‘Ummal dengan lafaz, “Sebaik-baik lelaki kamu ialah ‘Ali, sebaik-baik pemuda kamu ialah Hasan dan Husain, dan sebaik-baik wanita kamu ialah Fatimah binti Muhammad.”[48]

Menurut al-Munawi dalam Fath al-Qadir, “Khadijah ialah wanita terbaik dalam alamnya, Maryan wanita terbaik dalam alamnya, Fatimah wanita terbaik dalam alamnya.” Katanya Hadis ini ditakhrijakan oleh al-Harith b. Abi Usamah dalam musnadnya dari ‘Urwah b. al-Zubair.[49]

---

[46] Mustadrak al-Sahihain, II.h.539. diriwayatkannnya juga pada tempat lain dalam Mustadraknya melalui sarluran lain, iaiitu Hadis sahih dari Ibn ‘Abbas, juga diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya,I.h.293,316,322 melalui berbagai saluran dari Ibn ‘Abbas, diriwayatkan juga oleh Ibn ,Abd al-Barr di dalam Istai’abnya, II.h.720 melalui dua saluran, al-Suyuti juga menyebutkannya dalam al-Durr al-Manthur, iaitu di hujung tafsiran ayat yang bermaksud, “Dan Allah mengemukakan satu misal perbandingan kepada orang Mu’minin, iaitu hal isteri Fir’aun…” (Surah al-Tahrim ayat 11). Kata al-Suyuti, Hadis ini ditakhrijkan oleh al-Tabarani dan diriwayatkan juga oleh Ibn al-Athir di dalam Asad al-Ghabah, V.h.137, disebutkan juga oleh al-Muhib al-Tabari dalah Dhkha’irnya, h.42, katanya ia ditakhrijkan oleh Ahmad dan Abu Hatim. Ibn Hajar juga menyebutkan dalam Isabahnya, VIII.h.158, juga disebutkan di halaman ini sebuah Hadis dari ‘Aisyah yang bermaksud, “Aku tidak melihat seorang pun yang melebihi Fatimah kecuali bapanya.” Kata Ibn Hajar ia ditakhrijkan oleh al-Tabarani dan diriwayatkan juga oleh Abu ‘Amr dalam Istai’abnya, II.h.750. al-Haithami juga menyebutkannya dalam Majma’nya, IX, h. 223, katanya ia diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Ya’la dan al-Rabarani. Diriwayatkan juga oleh al-Tahawi di dalam Musykil al-Anwar, I.h.50 dan sebutkan juga oleh al-‘Asqalani dalam Fath al-Bari, VII.h.258, katanya ia ditakhrijkan oleh Ibn Habban, Ahmad, Abu Ya’la, al-Tabarani dan Abu Dawud dalam kitabnya al-Zuhd wa al-Hakim.

[47] Ibn ‘Abd al-Barr, al-Istai’ab, II.h.720 dan 750

[48] Kanz al’Ummal, VI.h. 217, juga diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam Tarikh Baghdad, V.h.157

[49] Al-Munawi, Faid al-Qadir, III.h.432

Thabit al-Banani meriwayatkan dari Anas b. Malik, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Sebaik-baik wanita di dunia ini ialah empat orang, iaitu Maryam binti ‘Imran, Asiah binti Muzahim isteri Fir’aun, Khadijah binti Khuwailid dan Fatimah binti Rasulullah s.a.w.”[50]

Tentang kelebihan Khadijah pula, diriwayatkan dengan sanadnya daripada Anas, bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Cukuplah bagi kamu mengetahui bahawa Maryam binti ‘Imran, Khadijah binti Khuwailid, Fatimah binti Muhammad s.a.w. dan Asiah Isteri Fir’aun merupakan wanita terbaik di seluruh alam ini.”[51]

Dari Qatadah katanya, disebutkan kepada kami bahawa Nabi Allah bersabda, “Cukuplah bagi kamu mengetahui bahawa Maryam binti ‘Imran, Khadijah binti Khuwailid, Fatimah binti Muhammad s.a.w. dan Asiah isteri Fir’aun adalah wanita terbaik di seluruh alam.[52]

Dari Abu Musa al-Asy’ari katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Lelaki yang sempurna banyak, tetapi tidak ada wanita sempurna kecuali Maryam, Asiah isteri Fir’aun, Khadijah binti Khuwailid dan Fatimah binti Muhammad s.a.w.”[53]

Kata al-Suyuti ketika mentafsirkan firman Allah yang bermaksud, “Dan ketika mala’ikat berkata: Wahai Maryam sesungguhnya Allah telah memilihmu dan mensucikanmu, dan telah memilihmu melebihi perempuan-perempuan seluruh alam.” (Surah Ali ‘Imran ayat 42), Hadis ini ditakhrijkan oleh Ibn Mardawaih, dari Anas katanya, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Allah memilih empat orang wanita dari seluruh alam ini, iaitu Asiah binti Muzahim, Maryam binti ‘Imran, Khadijah binti Khuwailid dan Fatimah binti Muhammad Rasulullah s.a.w.”[54]

Oleh itu bagaimana Abu Bakar boleh melayani Fatimah dengan keras begini sedangkan banyak sekali Hadis yang diriwayatkan dari sumber Ahl al-Sunnah tentang kelebihannya dan karamahnya, benar percakapannya, dan bahawa beliau telah pula

---

[50] Tafsir Ibn Jarir, III.h.358

[51] Sunan al-Tirmidhi, V.h.367; diriwayatkan juga oleh al-Hakim dalam Mustadrak al-Sahihain, III.h.172 melalui dua saluran, bagi saluran kedua, katanya Hadis ini sahih mengikut syarat Bukhari dan Muslim. Diriwayatkan juga oleh Ahmad b. Hanbal dalam Musnadnya, III.h.135; dan Abu Nu’aim dalam Hilyahnya, II.h.344; al-Tahawi juga meriwayatkannya dalam Musykil al-Athar, I.h.50, juga diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam Tarikhnya,VII.h.184, IX.h.404 melalui dua saluran dengan menggunakan ungkapan, “Sebaik-baik wanita di seluruh alam ada empat orang…” hingga akhirnya. Ibn al-Athir juga menyebutnya dalam Asad al-Ghabah, V.h.37 dan ia juga menggunakan ungkapan, “Sebaik-baik wanit diseluruh alam …(hingga akhirnya). Ibn Hajar juga menyebutkannya dalam Tahdhib al-Tahdhib, XII.h. 391, dari al-Sya’bi, dari Jabir secara marfu’; Ibn ‘Abd al-Barr menyebutkannya dalam Istai’abnya,II.h.72 melalui dua saluran; al-Muttaqi juga menyebutnya dalam Kaz al-‘Ummal, VI.h.227; al-Fakhr al-Razi juga menyebutnya dalam Tafsir al-Kabir, ketika ia menerangkan satu ayat dalam Surah Ali ‘Imran; al-Suyuti juga menyebutnya dalam al-Durr al-Manthur ketika ia mentafsirkan firman Allah dalam Surah Ali ‘Imran ayat 42, kata al-Suyuti, Hadis ini ditakhrijkan oleh Ibn al-Mundhir dan Ibn Habban.

[52] Tafsir Ibn Jariri al-Tabari, III.h.257

[53] Ibid. h.358, disebutkan juga oleh al-Zamakhsyari di dalam al-Kasysyaf ketika mentafsirkan Surah al-Tahrim ayat 12, al-‘Asqalani juga menyebutnya dalam Fath al-Bari, VII. h.258, katanya ia ditakhrijkan oleh al-Tabarani dan al-Tha’labi dalam Tafsirnya.

[54] Al-Suyuti, al-Durr al-Manthur, iaitu ketika ia mentafsirkan ayat 42 Surah Ali ‘Imran.

dipilih oleh Allah S.W.T? Selain itu para ‘ulamak besar Ahl al-Sunnah mengakui dan mengakui kelebihan dan kemuliaannnya sebagaimana yang diterangkan oleh lidah Rasulullah s.a.w., namun sekalipun begitu, Abu Bakar masih lagi berani menzalimi seorang yang sangat dikasihi oleh Rasulullah s.a.w. ini.

Sebahagian daripada karamah Fatimah a.s.

Kata al-Tha’labi bahawa al-Zamakhsyari menyebutkan hal ini dalam al-Kasysyaf, iaitu ketika beliau menafsirkan ayat,

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا ٱلْمِحْرَابَ وَجَدَ عِندَهَا رِزْقًا

“…tiap-tiap kali nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di miihrab, ia dapati rezeki disisinya.” (Surah Ali ‘lmran ayat 37) , juga disebutkan oleh al-Suyuti dalam al-Durr al-Manthur di akhir tafsiran ayat tersebut, iaitu dinukilkan dari Abu Ya’la bahawa Hadis ini ditakhrijkan oleh Jabir dengan lafaznya oleh al-Tha’labi katanya: Dikhabarkan kepada kami oleh ‘Abdullah b. Hamid dengan isnadnya dari Jabir b.’Abdullah, bahawa Rasulullah s.a.w. beberapa hari tidak menyentuh makanan sehingga baginda terasa sukar, lalu baginda pergi ke rumah semua isteri-isterinya, tetapi seorang pun tidak ada yang menyediakan makanan. Kemudian baginda pergi ke rumah Fatimah dan bertanya,

“Wahai anakku, adakah di rumah kamu sesuatu untuk di makan, kerana aku lapar.”?

Jawab Fatimah, “Demi Allah tidak ada suatu apa pun.”

Setelah Rasulullah s.a.w. keluar, datanglah seorang wanita jiran Fatimah membawa dua keping roti dan seketul daging untuk diberikan kepada Fatimah. Lalu Fatimah mengambilnya dan diletakkan dalam mangkuk serta ditutupnya sambil berkata, “Aku akan berikan makanan ini kepada Rasulullah kerana aku lebih mengutamakan dirinya daripada diriku sendiri dan seisi rumahku.”

Pada masa itu semua isi rumah Fatimah juga memerlukan makanan, tetapi Fatimah menyuruh Hasan dan Husain menjemput datuk mereka datang semula. Setelah Rasulullah s.a.w. balik semula, Fatimah pun berkata, “Demi bapa dan ibuku wahai Rasulullah s.a.w., sesungguhnya Allah telah memberi kita sedikit makanan lalu aku sembunyikannya untukmu.”

Jawab Rasulullah s.a.w., “Kalau begitu marilah kita makan.”

Fatimah pun membawa makanan yang tertutup dalam mangkuk itu, lalu dibukanya. Tiba-tiba dilihatnya mangkuk itu penuh dengan roti dan daging, beliau terpegun sebentar, tetapi beliau mengethui semua itu adalah berkat kurniaan Allah, lalu ia memuji Allah dan bersalawat ke atas Nabi-Nya.

Rasulullah s.a.w. pun bertanya, “Dari mana kamu dapati makanan ini wahai anakku.”?

Jawab Fatimah, “Ia dari Allah, sesungguhnya Allah itu memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab.”

Rasulullah s.a.w. pun memuji Allah dan barkata, “Segala puji bagi Allah yang menjadikan kamu seperti penghulu wanita Bani Isra’il, kerana apabila Allah

mengurniakannya makanan yang baik ia pun berkata, “Ia datang dari Allah, sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab.”

Kemudian Rasulullah menyuruh supaya menjemput ‘Ali, lalu ‘Ali pun datang dan Rasulullah s.a.w. pun makan bersama Fatimah, Hasan dan Husain serta semua isteri-isteri Nabi s.a.w. sehingga kenyang, tetapi mangkuk itu tetap penuh seperti asalnya.

Kata Fatimah, “Aku memberi isi mangkuk itu kepda semua jiran-jiranku dan Allah telah memberinya berkat hingga beberapa lama, sedangkan pada mulanya ia hanya berisi dua keeping roti dan seketul daging, tetapi tambahan yang lain itu adalah berkat dari Allah Ta’ala.”[55]

Fatimah a.s. adalah Siddiqah (yang benar) dan beliau adalah pilihan Allah.

Diriwayatkan oleh Abu Sa’id dalam Syarq al-Nubuwwah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepada ‘Ali, “Kamu diberi tiga perkara yang tidak diberi kepada sesiapa, walaupun kepadaku sekalipun, iaitu mertua sepertiku, sedangakan aku tidak mempunyai mertua sebegitu, kamu juga diberi isteri siddiqah seperti anak perempuanku, sedangkan tidak ada orang lain yang memperoleh isteri seperti itu, dan seterusnya kamu diberi Hasan dan Husain, iaitu keturunan asal darimu, sedangkan aku tidak ada anak seperti itu, tetapi kalian adalah dariku dan aku dari kalian.”[56]

Dari Ibn ‘Abbas katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Pada malam aku mi’raj naik ke langit aku melihat tertulis di pintu syurga: Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad Rasulullah, ‘Ali yang dikasihi Allah, Hasan dan Husain pilihan Allah, Fatimah pilihan Allah dan orang yang memusuhinya dilaknati Allah.[57]

Fatimah a.s. manusia paling benar percakapannya.

Diriwayatkan oleh al-Hakim bahawa ‘Aisyah apabila disebutkan tentang Fatimah a.s.binti Nabi s.a.w., maka dia pun berkata, “Aku tidak pernah melihat seorang yang lebih benar percakapannya dari Fatimah kecuali bapa (yang melahirkannya).” Kata al-Hakim, Hadis ini sahih menurut syarat Muslim.[58]

Dari ‘Amr b. Dinar katanya, bahawa ‘Aisyah berkata, “Aku tidak pernah melihat seorang pun yang lebih benar percakapannya selain bapannya.”[59]

Allah murka seiring dengan kemarahan Fatimah dan reda dengan keredaannya.

---

[55] Al-Tha’labi, Qisas al-Anbiya’, h.513 dan ayat itu dari Surah Ali ‘Imran ayat 37
[56] Al-Riad al-Nadrah.
[57] Khatib al-Baghdadi, Tarikh Baghdad, I. h.259
[58] Mustadrak al-Sahihain, III.h.160; diriwayatkan juga oleh ‘Abd al-Barr dalam Istai’abnya, II.h.751
[59] Hilyat al-Aulia’, II.h.41

Rasulullah s.a.w. telah menerangkan dalam beberapa tempat bahawa kemarahan Fatimah adalah selari dengan kemurkaan Allah dan keredhaan Fatimah adalah selari dengan keradhaanNya. Tetapi Abu Bakar mengabaikan apa yang telah diwasiatkan oleh Nabi s.a.w. lalu mengambil jalan memusuhi darah daging Rasulullah s.a.w. ini dengan merampas tanah Fadak daripada Fatimah setelah tiga tahun tanah itu berada di dalam miliknya. Abu Bakar menggunakan alasan dengan Hadis yang bermaksud, "Apa yang kami tinggalkan adalalah sadaqah."

'Ali a.s. berkata, bahawa Nabi s.a.w bersabda kepada Fatimah, "Sesungguhnya Allah murka dengan kemarahanmu dan redha dengan keredhaanmu."[60]

Ditakhrijkan oleh al-Dailami, daripada 'Ali a.s. dengan lafaz, "Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla murka dengan kemarahan Fatimah dan reda dengan keredhaannya."[61]

Kata al-Dhahabi, diceritakan dari al-Tabarani tentang sebuah Hadis dengan sanadnya sampai kepada 'Ali yang diiktiraf sebagai sahih bahawa Rasulululllah s.a.w. bersabda kepada Fatimah, "Sungguhnya Tuhan murka kerana kemarahanmu dan redha kerana keredhaanmu."[62]

Kata al-Tabari, dari 'Ali b. Abi Talib a.s. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Wahai Fatimah, sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla murka disebabkan kemarahanmu dan redha dengan keredhaanmu." Kata al-Tabari lagi, Hadis ini ditakhrijkan oleh Abu Sa'id dalam kitab Syaraf al-Nubuwwah dan Ibn al-Muthanna dalam Mu'jamnya.[63]

Tentang sabda Nabi s.a.w., "Fatimah adalah darah dagingku, siapa yang menjadikannya marah sesungguhnya ia juga menjadikan aku marah."

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam bab Manaqib kerabat (keluarga) Rasulullah s.a.w. dan Manaqib Fatimah, diriwayatkan dengan sanadnya dari al-Miswar b. Makhzamah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Fatimah adalah darah dagingku, siapa yang menjadikannya marah bererti menjadikanku marah."[64]

Diriwayatkan juga dalam bab "Lelaki yang memprtahankan anak perempuannya." Satu Hadis dari Miswar b. Makhramah katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Fatimah

---

[60] Mustadrak al-Sahihai, III.h.153; juga diriwayatkan oleh Ibn al-Athir dalam Asad al-Ghabah, V.h.522; juga oleh Ibn Hajar dalam al-Isabah, VIII.h.159 dan dalam Tahdhib al-Tahdhib, xii.h.441; juga disebutkan oleh al-Muttaqi dalam Kanz al-'Ummal, VII.h.111, katanya ia ditakhrijakan oleh Ibn al-Najjar.
[61] Kanzal-'Ummal, VI.h.219
[62] Mizan al-I'tidal, II. h.72
[63] Dhakha'ir al-'Uqba, h.39
[64] Sahih al-Bukhari, dalam bab Bad' al-Khalq, ia juga disebutkan oleh al-Muttaqi dalam Kanz al-'Ummal, Vi.h.220; al-Munawi juga menyebutkan dalam Faid al-Qadir, IV.h.42, katanya lagi, al-Suhaili mengambil dalil dari Hadis ini bahawa mencaci Fatimah adalah kafir kerana ia menimbulkan kemarahan Nabi s.a.w. dan Fatimah adalah lebih afdal daripada syaikhain (Abu Bakar dan 'Umar). Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Nasa'i dalam Khasa'isnya, h.35

adalah sebahagian daripada darah dagingku, seseorang itu membohongiku sekiranya dia membohongi Fatimah dan menyakitiku sekiranya dia menyakiti Fatimah."[65]

Masih daripada Miswar b. Makhramah, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya Fatimah adalah darah dagingku, apa yang menyakitinya adalah menyakitiku juga."[66]

Juga diriwayatkan dari Miswar b. Makhramah, bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya anak perempuanku, iaitu Fatimah a.s. adalah darah dagingku, membohongiku jika membohonginya, dan menyakitiku jika menyakitinya."[67]

Dari 'Abdullah b. al-Zubair, meriwayatkan sebuah Hadis dari Rasulullah s.a.w. yang bersabda, "Fatimah adalah darah dagingku, apa yang menyakitkannya menyakitkanku, dan membohonginya bererti membohongiku."[68]

Dari 'Ubaidullah b. Abi Rafi', dari Miswar, bahawa telah datang kepadanya utusan Hasan b. Hasan a.s. untuk meminang anak perempuannya, lalu kata Miswar kepada utusan itu, "Katakan kepada Hasan supaya datang berjumpaku awal malam ini."

Menjelang malam, Hasan pun datang berjumpa Miswar, lalu Miswar pun mengucap Alhamdulillah dan berkata, "Adapun kemudian dari itu, sesungguhnya tidak ada nasab dan semenda (pertalian perkahwinan) yang lebih aku suka daripada tali perkahwinan dengan keturunan Nabi s.a.w. tetapi Rasulullah s.a.w. telah bersabda, 'Fatimah adalah darah dagingku, aku akan merasa tertekan jika dia tertekan dan merasa senang jika dia merasa senang, sungguhnya nasab keturunan itu akan terputus dan berakhir kecuali nasabku dan persemendaanku.' Sekarang anda mempunyai isteri dari keturunan Fatimah, sekiranya aku kahwinkan anda dengan anak perempuanku nescaya Fatimah merasa tertekan kerana memadukan cucu perempuannya." Kemudian Miswar pun pergi setelah meminta maaf kepada Hasan b. Hasan a.s. kerana menolak pinangan itu. Kata 'Ubaidullah, Hadis ini sahih isnadnya.[69]

---

[65] Sahih al-Bukhari, kitab al-Nikah; diriwayatkan juga oleh Abu Dawud dalam Sahihnya dalam bab "Apa yang makruh tentang berkumpulnya wanita di kalagan mereka." Diriwayatkan juga oleh Ahmad b. Hanbal dalam Musnadnya, IV. H.328, diriwayatkan juga oleh Abu Nu'aim dalam Hilyah, II.h.40

[66] Sahih Muslim, dalam kitab Fada'il al-Sahabah, iaitu bab Fada'il Fatimah; al-Fakhr al-Razi juga menyebutnya dalam mentafsirkan ayat Mawaddah, iaitu surah al-Syura ayat 23, dengan ungkapan, "Ia menyakitiku apa yang menyakitinya." Al-Razi juga menyebutnya dalam mentafsirkan surah al-Ma'arij, iaitu ketika mentafsirkan firman Allah yang bermaksud, "Dan kaum kerabatnya yang melindunginya." Ayat 13, ia menggunakan lafaz "Fatimah adalah darah dagingku."

[67] Sahih Muslim; diriwayatkan juga oleh al-Tirmidhi dalam Sahihnya, II.h.319, dalam bab "Kelebihan Fatimah binti Muhammad s.a.w.

[68] Sahih al-Tirmidhi, II.h.319, diriwayatkan juga oleh al-Hakim dalam Mustadrak al-Sahihain, III.h.159, katanya Hadis ini sahih mengikut syarat Syaikhain (Bukhari dan Muslim), juga diriwayatkan oleh Ahmad b. Hanbal dalam Musnadnya, IV.h.5

[69] Mustadrak al-Sahihain, III.h.158. Hadis no.4747; diriwayatkan juga oleh Ahmad b. Hanbal dalam Musnadnya, IV.h.323 dan 332 melalui dua saluran yang berlainan, diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi dalam Sunannya, VII. h.64 secara ringkas, diriwayatkan juga oleh Abu Nu'aim secara ringkas dan katanya Hadis ini muttafaq 'alaih, iaitu daripada Hadis 'Ali b. Husain dan Ibn Abi Malikah dari al-Miswar b. Makhramah.

Daripada Anas katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apakah yang lebih baik bagi perempuan.”? Kami tidak tahu bagaimana untuk menjawabnya, lalu ‘Ali pergi menemui Fatimah dan menceritakan tentang soalan tersebut. Fatimah pun berkata kepada ‘Ali, “Katakanlah kepadanya bahawa yang lebih baik bagi perempuan itu ialah, mereka tidak melihat lelaki dan lelaki tidak melihat mereka.”

‘Ali pun kembali menemui Rasulullah s.a.w. dan memberitahu jawaban tersebut, lalu Rasulullah s.a.w. pun bertanya, “Siapakah yang memberitahu kamu jawaban ini.”?

Jawab ‘Ali, “Fatimah.”

Sabda Rasulullah s.a.w., “Dia adalah darah dagingku.” Kata Anas, Hadis yang sama maksudnya juga diriwayatkan oleh Sa’id bin Musaiyab.[70]

Kata al-Muttaqi al-Hindi, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sungguhnya Fatimah merasa duka dan suka sama sepertiku, aku senang bila dia merasa senang dan rasa tertekan bila dia merasa tertekan.” Kata al-Muttaqi, Hadis ini ditakhrijakan oleh al-Tabarani dari al-Miswar.[71]

Al Muttaqi meriwayatkan juga hadis yang berasal dari al-Hasan al-Basri bahawa katanya, ‘Ali b. Abi Talib berkata, “Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bertanya kepada kami, “Apakah yang paling baik bagi seorang perempuan’”? Tidak ada pun di antara kami yang hadir di situ dapat menjawabnya. Oleh itu, apabila aku balik bertemu Fatimah, aku pun bertanya kepadanya, “Wahai anak perempuan Muhammad, sungguhnya Rasulullah s.a.w. bertanya kepada kami satu soalan yang kami tidak dapat menjawabnya.

Kata Fatimah, “Apakah soalan itu.”?

Aku menjawab, “Beliau bertanya, apakah yang paling baik bagi seorang perempuan.”

Kata Fatimah lagi, “Kamu tak tahu jawabannya.”?

“Tidak.” Sahutku.

Jawab Fatimah, “Tidak ada yang lebih baik bagi seorang perempuan itu selain dia tidak melihat lelaki dan lelaki tidak melihatnya.”

Menjelang petang, kami pun bertemu Rasulullah s.a.w. lagi, lalu aku pun berkata kepadanya, “Wahai Rasulullah, anda telah bertanya kami satu soalan yang tidak dapat kami jawab, sekarang jawabannya ialah, tidak ada yang lebih baik bagi seorang perempuan itu selain dia tidak melihat lelaki dan lelaki tidak pula melihatnya.”

“Siapa yang memberitahu kepadamu jawaban ini.”? Tanya Rassulullah s.a.w.

“Fatimah.” Jawabku.

---

[70] Abu Nu’aim, Hilayat al-Aulia’, II.h.40; diriwayatkannya juga dalam juzu’ II.h.174 dari Sa’id b. Musaiyab, dari ‘Ali b. Abi Talib a.s.

[71] Kanz al-‘Ummal, VI.h.219 diriwayatkan juga oleh al-Hakim dalam Mustadrak al-Sahihain, III.h.154 dari al-Miswar b. Makhramah, dari Rasulullah s.a.w. dan katanya Hadis ini sahih isnadnya.

Sabda Rasulullah s.a.w., “Benarlah jawaban itu, sungguhnya dia adalah darah dagingku.” Kata al-Muttaqi, Hadis ini diriwayatkan juga oleh al-Daruqutni dalam al-Ifrad.[72]

Riwayat al-Nasa’i, dari Miswar b.Makhramah katanya, “Aku mendengar Rasulullah s.a.w. berkhutbah di atas mimbarnya ini dan pada ketika itu aku baru akil baligh, ia bersabda, “Fatimah adalah darah dagingku.”[73]

Kata Ibn Hajar, ‘Abdullah b. al-Hasan al-Muthanna Ibn al-Hasan al-Sibt masuk berjumpa ‘Umar b. ‘Abdul ‘Aziz, iaitu pada masa ‘Abdullah masih sangat muda dan rambut di kepala sebelah hadapannya sangat lebat, lalu ‘Umar mempersilakannya duduk di tempat yang tinggi dalam majlisnya’ perbuatan ‘Umar ini dikecam oleh kaumnya.oleh itu ‘Umar berkata, “Para perawi yang thiqqah (boleh dipercayai) menceritakan kepadaku sehingga aku merasa seperti mendengarnya sendiri dari mulut Rasulullah s.a.w. bahawa baginda bersabda, ‘Sesungguhnya Fatimah adalah darah dagingku, mengembirakan aku apa yang mengembirakannya.’ Aku tahu kalau Fatimah masih hidup nescaya beliau gembira dengan apa yang aku lakukan terhadap anak cucunya.” Kata ‘Umar lagi.[74]

Dalam kitab al-Imamah wa al-Siyasah, di bawah tajuk: “Bagaimana cara bai’ah ‘Ali b. Abi Talib.” Penulisnya menceritakan bahawa Fatimah berkata kepada Abu Bakar dan ‘Umar, “Mahukah kamu berdua mendengar satu Hadis Rasulullah s.a.w. untuk kamu tahu dan mengamalkannya.”?

Jawab Abu Bakar dan ‘Umar, “Ya.”

Kata Fatimah, “Aku merayu dengan nama Allah, adakah kamu berdua tidak mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “Keredhaan Fatimah adalah keredhaanku dan kemarahan Fatimah adalah kemarahanku, barangsiapa yang kasihkan puteriku Fatimah bererti dia mengasihiku aku, barangsiapa yang menyebabkan Fatimah redha bererti membuatkanku redha dan barangsiapa yang membuatkan Fatimah marah bererti membuatku marah.”?

Abu Bakar dan’Umar menjawab, “Ya, kami mendengarnya dari Rasulullah s.a.w.”

Kata Fatimah, “Sesungguhnya aku naik saksi atas nama Allah dan mala’ikat-Nya bahawa kamu berdua telah menjadikanku marah dan tidak membuatku redha, kelak, apabila aku bertemu Nabi s.a.w. akan aku adukan perbuatan kamu berdua ini kepadanya.”

Jawab Abu Bakar, “Aku berlindung dengan Allah dari kemarahannya dan kemarahanmu, wahai Fatimah.” Kemudian Abu Bakar menarik nafas dan menangis sekuat-kuatnya sehingga hampir putus nafasnya, sedangkan Fatimah pula berkata, “Demi Allah aku akan berdo’a setiap kali lepas solat supaya Allah membalas perbuatanmu itu.”

---

[72] Kaz al-‘Ummal, VIII.h.315 dan diriwayatkannya juga selepas Hadis ini kali keduanya, dan katanya ia ditakhrijkan oleh al-Bazar dan Abu Nu’aim dalam Hiluahnya.

[73] Al-Nasa’i, Khasa’is, h.36

[74] Ibn Hajar, al-Sawa’iq al-Muhriqah, h.107, ia juga menyebutnya dalam h.138 dengan sedikit perbezaan, katanya, Hadis ini ditakhrijkan oleh Abu Farj al-Asfahani.

Kemudian Abu Bakar pun keluar dan ramailah orang datang mengelilinginya, lalu Abu Bakar berkata, “Semua kamu boleh tidur nyenyak sambil memeluk isteri masing-masing dengan gembira dan meninggalkan aku berseorangan dalam keadaan sukar begini, oleh itu aku tidak memerlukan bai’ah kamu dan lepaskan aku dari bai’ah kamu!”[75]

Tetapi sikap Abu Bakar yang telah lembut itu kembali keras setelah dipujuk oleh ‘Umar dan seterusnya khalifah pertama dan kedua itu berani mengingkari perintah Rasulullah s.a.w. supaya menghormati Fatimah, sebaliknya mereka menzaliminya dan menyerang rumahnya, membakar pintu rumahnya, menyebabkan janin dalam kandungannya gugur sedangkan dia telah diberi nama Muhsin. Kemudian ‘Ali pula diikat untuk dipaksa memberi bai’ah dan mereka tidak pula menghormati kemuliaan Ahl al-Bait. Oleh itu Fatimah tidak bercakap dengan Abu Bakar dan ‘Umar selama-lamanya, beliau juga mewasiatkan supaya jenazahnya dikebumikan pada malam hari supaya pusaranya tidak dikenali dan tidak dihadiri oleh kedua khalifah itu kerana beliau tidak redha terhadap perbuatan kedua mereka.

Imam ‘Ali a.s. telah berusaha mempertahankan hak Fatimah al-Zahra’ dalam masalah tanah Fadak ini, beliau menentang Abu Bakar dengan memberikan hujjah dan dalil yang meyakinkan tentang hak Fatimah.

Sungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda bahawa orang yang paling bijak memberi hukum ialah ‘Ali, seterusnya ‘Ali ialah al-Siddiq yang terbesar, orang yang paling alim, penyabar dan paling banyak kelebihannya. Sabda Rasulullah s.a.w. lagi, ‘Ali adalah wali kamu selepasku. ‘Ali ialah khalifah atau pengganti Nabi, Wasi Nabi, barangsiapa yang mentaati ‘Ali sesungguhnya dia taat kepada Allah, ‘Ali bersama dengan yang haq dan haq bersama ‘Ali. ‘Ali bersama al-Qur’an dan al-Qur’an bersama ‘Ali, Aku kota ilmu dan ‘Ali pintunya, sesungguhnya ‘Ali tidak didahului oleh mereka yang awal tentang ilmunya dan tidak dapat dikejar oleh mereka yang akhir. Allah berseteru dengan orang yang berseteru dengan ‘Ali dan dialah orang yang paling hampir zamannya dengan Rasulullah s.a.w. ‘Ali adalah qadhi agama Nabi dan dialah yang melaksanakan perintahnya serta paling berhak menjalankannya. Sesungguhnya aku adalah rumah hukum hakam dan ‘Ali pintunya.

Walaupun begitu banyak Hadis seumpama ini yang menerangkan hak-hak ‘Ali, tetapi ia bukanlah banyak bagi Abu Bakar yang berani mencabul wasiat Rasulullah s.a.w. dan apa yang disabdakan baginda mengenai ‘Ali. Abu Bakar mengetahui akan dalil-dalil yang diberikan namun masih sahaja dia enggan menerimanya demi mencapai matlamat dan tujuannya, dan tidak pula dia mempedulikan seruan kebenaran dari Imam ‘Ali.

Yang menghairankan, walaupun begitu banyak sabda Nabi di berbagai tempat dan masa menerangkan kelebihan Imam ‘Ali berbanding orang lain, bagaimana masih mampu Abu Bakar menyalahinya dan tidak memperdulikan dalilnya?

---

[75] Ibn Qutaibah, al-Imamah wa al-Siyasah, h.14